



## **Perbankan Dalam Talian**

### **Alliance BizSmart**

### **Terma & Syarat**

(Versi 1.9 – Diubah suai pada 29 November 2021)



**ALLIANCE BANK**  
*Banking Made Personal*

Dokumen ini mengandungi Syarat-syarat yang dikenakan bagi Alliance BizSmart® yang ditawarkan oleh Bank. Pelanggan Alliance BizSmart® akan terikat dengan Syarat-syarat yang terkandung di sini dan sebagaimana yang dipinda oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan.

## 1.0 DEFINISI & TAFSIRAN

1.1 Bagi Syarat-syarat ini, ungkapan berikut membawakan maksud yang ditentukan baginya kecuali dalam konteks yang menetapkan sebaliknya: -

Akaun bermaksud mana-mana dan semua jenis akaun yang dibuka dan dipegang oleh mana-mana Pelanggan, termasuk sebarang akaun yang dibuka untuk memudahkan atau untuk menyediakan Alliance BizSmart® atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya oleh Bank;

Sekutu bermaksud mana-mana entiti, syarikat, perbadanan atau institusi yang mungkin menawarkan produk, perkhidmatan, kandungan atau maklumat di Laman Web Alliance BizSmart® dari semasa ke semasa;

Alliance BizSmart® bermaksud permohonan dan/atau kemudahan Alliance BizSmart® yang dinyatakan sebagai Alliance BizSmart® dan perkhidmatan lain seumpamanya yang mungkin ditambah, ditarik balik, diubah atau diganti oleh Bank pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa yang membolehkan dan memberikan keupayaan kepada Pelanggan melaksanakan perkhidmatan perbankan melalui Internet atau aplikasi perbankan mudah alih;

Perjanjian Alliance BizSmart® bermaksud perjanjian yang dibuat apabila Bank menerima dan/atau meluluskan pelancongan Bank sebagai Pelanggan Alliance BizSmart®, yang disertakan dengan Terma dan Syarat sebagaimana yang dipinda, diubah suai atau dikemas kini dari semasa ke semasa oleh Bank;

App Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® bermaksud aplikasi perbankan mudah alih yang boleh dimuat turun kepada peranti mudah alih yang menggunakan iOS, Android atau sistem pengendalian sokongan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank. Ia membolehkan Pelanggan melaksanakan transaksi perbankan perniagaan terpilih secara dalam talian dengan menggunakan peranti mudah alih mereka dan ia boleh digunakan sebagai token mudah alih untuk meluluskan transaksi (tertentu) di Alliance BizSmart®.

PIN Kelulusan bermaksud kata laluan yang terdiri daripada aksara angka unik yang dipilih dan diguna pakai dan hanya diketahui oleh Individu yang Diberi Kuasa yang berkenaan, yang perlu dimasukkan oleh Individu yang Diberi Kuasa yang berkenaan untuk mengesahkan identiti individu tersebut kepada Bank semasa pengesahan Transaksi;

Individu yang Diberi Kuasa bermaksud individu atau individu-individu yang diberi kuasa oleh Pelanggan (sama ada secara perseorangan atau bersama dengan mana-mana individu atau individu-individu lain) untuk mengendalikan dan menguruskan Akaun tersebut, mengakses Alliance BizSmart®, mengeluarkan Arahan kepada Bank dan melaksanakan Transaksi untuk dan bagi pihak Pelanggan melalui Alliance BizSmart® atau untuk menyempurnakan sebarang dokumen untuk dan bagi pihak Pelanggan, dan merangkumi Pentadbir Sistem, Pelulus Sistem, Pengguna; dan Pelulus Pengguna, sebagaimana yang ditetapkan oleh konteks di mana Pelanggan boleh menambah atau menggantikannya dari semasa ke semasa. Istilah Individu yang Diberi Kuasa boleh merujuk kepada lebih daripada seorang individu yang diberi kuasa menurut konteks;

Bank bermaksud Alliance Bank Malaysia Berhad, pengganti dan/atau pemegang serah haknya dan ia merangkumi Alliance Islamic Bank Berhad, pengganti dan/atau pemegang serah haknya;

Peraturan Bank Negara bermaksud segala arahan, panduan, garis panduan, peraturan dan/atau pengawalan dari Bank Negara Malaysia yang sedang berkuat kuasa;

Sistem Bank bermaksud sistem komputer (perkakasan dan perisian) yang disediakan oleh Bank berkenaan dengan Alliance BizSmart®, termasuklah (a) Kod Keselamatan, (b) Laman Web dan segala kandungannya, termasuklah segala reka bentuk, grafik, imej, perkataan dan segala bentuk elemen paparan yang terdapat pada Laman Web, dan (c) Panduan Pengguna Bank dan segala kandungannya, dan (d) sebarang dan segala bentuk dokumen, manual, sistem pentadbiran, komunikasi, pengurusan dan operasi lain yang saling berkait dan/atau yang berkaitan (sama ada berkomputer, manual atau sebaliknya) dan berkenaan dengan Alliance BizSmart®, walaupun tidak dinyatakan secara khusus di sini;

Token Mudah Alih BizSmart® bermaksud token digital pada peranti mudah alih pengguna yang meningkatkan tahap keselamatan sebagai tambahan kepada butiran keselamatan pengguna yang digunakan untuk log masuk (ID Pengguna & Kata Laluan) dan membolehkan Pelulus Pengguna melaksanakan transaksi dalam talian yang selamat yang ditandatangani secara digital.

Hari Perniagaan bermaksud hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan perbankan di Kuala Lumpur, Malaysia kepada orang awam;

Checksum sign bermaksud kata laluan angka sekali guna yang dijana oleh token keselamatan selepas hasil tambah semak (Checksum) dimasukkan ke dalam token.

Syarat-syarat bermaksud syarat-syarat (termasuklah segala pindaan, perubahan dan pengubahan terhadapnya yang kemudiannya diperkenalkan dan dikenakan dari semasa ke semasa oleh Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan melalui saluran komunikasi bank) yang mentadbir penggunaan Alliance BizSmart®;

Koresponden bermaksud bank atau institusi kewangan lain (tempatan atau asing) yang dilantik oleh Bank untuk membantu, menyempurnakan dan melaksanakan Transaksi yang diarahkan oleh Pelanggan melalui Alliance BizSmart®;

Pelanggan bermaksud perbadanan, perkongsian, pertubuhan, kelab, persatuan atau mana-mana entiti lain yang merupakan (a) pelanggan Bank, (b) pemegang akaun semasa dan/atau deposit dengan Bank, dan (c) telah memohon dan diterima dan/atau diluluskan oleh Bank sebagai pelanggan bagi Alliance BizSmart® dan oleh itu terlibat dengan Syarat-syarat ini;

Takat Masa bermaksud takat masa yang ditetapkan bagi Alliance BizSmart®;

Akaun yang Ditetapkan bermaksud akaun atau akaun-akaun Pelanggan yang telah ditetapkan untuk digunakan bagi Transaksi tertentu atau untuk penggunaan yang berkaitan dengan sebarang urusan Alliance BizSmart® sebagaimana ketetapan dalam Fasal 13;

Kredit Berdokumen bermaksud sebarang cek, bil, jaminan bank, draf, surat kredit, perintah dan/atau sebarang bentuk dokumen lain yang diterima oleh industri perbankan yang boleh digunakan untuk memindahkan dana atau memberikan jaminan, dan dibenarkan oleh Bank berhubung dengan Alliance BizSmart®;

Sijil Digital bermaksud lampiran yang disulitkan dan ditandatangani secara digital yang mengesahkan identiti individu yang membuat pengesahan dan memberi kelulusan bagi pelaksanaan Transaksi dan pemberian Arahan kepada Bank;

Operasi e-Perbankan bermaksud unit di Bank yang bertanggungjawab terhadap Alliance BizSmart® di mana Bank berhak menukar nama unit tersebut dari semasa ke semasa;

ePIN bermaksud dokumen yang selamat yang dilindungi oleh kata laluan yang mengandungi T-PIN untuk mengakses Alliance BizSmart® yang dihantar oleh Bank kepada Pelanggan melalui e-mel.

Arahan bermaksud sebarang bentuk permohonan, kebenaran, arahan, mandat atau permintaan yang dikeluarkan menggunakan Kod Keselamatan yang berkenaan berhubung sebarang Alliance BizSmart® tanpa mengira siapa yang mengeluarkan arahan tersebut dengan menggunakan Kod Keselamatan tersebut;

Undang-undang bermaksud undang-undang Malaysia yang sedang berkuat kuasa pada masa ini

Lesen bermaksud lesen yang ditakrifkan dalam Fasal 10 di bawah;

Had bermaksud had kewangan maksimum yang ditetapkan oleh Bank dan/atau yang ditetapkan oleh Pelanggan, bagi jenis Arahan dan/atau Transaksi tertentu, bergantung kepada keadaan;

Perjanjian lain bermaksud sebarang dan segala bentuk perjanjian lain (sama ada berkaitan atau tidak dengan Perjanjian Alliance BizSmart®), pada masa ini atau kemudiannya yang diikat antara Pelanggan dan Bank, termasuklah (a) perjanjian bagi sebarang bentuk kemudahan perbankan, pinjaman atau pembiayaan lain dan/atau (b) caj, debentur, jaminan, indemniti, lien, cagaran, memorandum dan/atau sebarang perjanjian seumpamanya, di mana Pelanggan menyediakan atau menyebabkan penyediaan jaminan kepada Bank;

Kata Laluan bermaksud rangkaian aksara abjad angka unik yang dipilih dan diguna pakai oleh Individu yang Diberi Kuasa dan disimpan dalam Sistem Bank dalam bentuk yang disulitkan, yang mesti dimasukkan oleh Individu yang Diberi Kuasa supaya Sistem Bank dapat mengesahkan ID Pengguna bagi akses kepada Alliance BizSmart® dan/atau untuk melaksanakan Arahan Pelanggan;

PIN Mailer atau Pin Mailer bermaksud dokumen yang mengandungi T-PIN untuk mengakses Alliance BizSmart®, yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan;

Penerima bermaksud mana-mana pihak yang ditetapkan dalam Arahan kepada Bank untuk menyampaikan atau mengirim sebarang Arahan, dokumen atau pembayaran, termasuklah Kredit Berdokumen dan/atau Kiriman Wang. Penerima, bergantung kepada konteks, turut merangkumi Pelanggan dan/atau Koresponden;

Pengiriman wang bermaksud sebarang Arahan dan/atau Transaksi yang melibatkan pemindahan dana kepada Penerima melalui Alliance BizSmart®, yang merangkumi pemindahan Kredit Berdokumen, elektronik, pemindahan dana secara kawat atau pemindahan bertelegraf dan/atau sebarang bentuk pemindahan dana lain yang dibenarkan oleh Bank berkenaan dengan Alliance BizSmart®;

Peraturan dan Pengawasan bermaksud langkah-langkah penjagaan dan keselamatan, prosedur, peraturan dan pengawasan yang dilaksanakan oleh Bank dari semasa ke semasa berkenaan dengan Kod Keselamatan, Alliance BizSmart® dan/atau Sistem Bank;

Caj Perkhidmatan bermaksud caj yang perlu dibayar oleh Pelanggan untuk Alliance BizSmart® menurut Syarat-syarat ini di mana caj perkhidmatan atau caj lain yang berkenaan mungkin berubah dari semasa ke semasa ;

Kod Keselamatan bermaksud kod keselamatan yang akan mengenal pasti dan mengesahkan Individu yang Diberi Kuasa apabila Individu yang Diberi Kuasa tersebut mengakses dan menggunakan Alliance BizSmart® yang merangkumi ID Pengguna, Kata Laluan, PIN Kelulusan, Token Response, TAC, T-Password dan sebarang kod keselamatan lain yang mungkin dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa;

Token Keselamatan bermaksud peranti elektronik yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan bagi tujuan menjana Respons Token;

Pentadbir Sistem bermaksud wakil yang diberi kuasa oleh Pelanggan yang diberi kebenaran oleh Pelanggan untuk bertindak bagi pihak Pelanggan sebagai pentadbir sistem untuk mewujudkan akaun Pengguna, profil Pengguna dan aliran kerja transaksi dalam Alliance BizSmart®;

Pelulus Sistem bermaksud wakil yang diberi kuasa oleh Pelanggan yang diberi kebenaran oleh Pelanggan untuk bertindak bagi pihak Pelanggan sebagai pelulus sistem untuk meluluskan pewujudan profil Pengguna dan aliran kerja transaksi dalam Alliance BizSmart®;

TAC bermaksud Kod Kebenaran Transaksi yang merupakan kod keselamatan yang terdiri daripada kombinasi angka unik yang dihantar melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) kepada nombor telefon bimbit Pentadbir Sistem dan Pelulus Sistem yang telah didaftarkan sebagaimana yang dikemukakan oleh Pelanggan;

T-Password/Kata Laluan Sementara bermaksud nombor pengenalan peribadi atau nombor yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui PIN Mailer/ ePIN untuk digunakan bagi mengakses Alliance BizSmart® untuk kali pertama menurut Fasal 7 di bawah;

Respons Token bermaksud kod keselamatan sekali guna atau kata laluan sekali guna yang dijana oleh Token Keselamatan selepas Pelulus Pengguna memasukkan Checksum pada Token Keselamatan.

Nombor Siri Token bermaksud nombor siri unik yang dikeluarkan oleh Pentadbir Sistem kepada Pelulus Pengguna untuk digunakan bagi mengakses Alliance BizSmart® untuk kali pertama menurut Fasal 8 di bawah;

Terma dan Syarat bermaksud segala terma dan syarat termasuklah terma dan syarat akses dan penggunaan Laman Web sebagaimana yang terangkum dalam Syarat-syarat bagi Alliance BizSmart®, dasar privasi dan/atau Peraturan dan Pengawalan (termasuklah segala pindaan, perubahan dan pengubahan terhadapnya yang kemudiannya diperkenalkan oleh Bank dan dikenakan dari semasa ke semasa oleh Bank), yang mentadbir penggunaan Laman Web dan/atau Alliance BizSmart®, termasuklah sebarang terma dan syarat tambahan yang mungkin dikenakan bagi perkhidmatan atau Transaksi tertentu dan diperuntukkan dalam atau oleh mana-mana satu atau lebih yang berikut: (a) dalam Syarat-syarat ini bagi Alliance BizSmart®, (b) dalam Panduan Pengguna, dan/atau (c) melalui Paparan Visual;

Transaksi bermaksud apa juga bentuk aktiviti dan/atau transaksi, yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan menurut sesuatu Arahan;

Panduan Pengguna bermaksud panduan yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa kepada Pelanggan dalam (a) sebarang bentuk dokumen dan/atau (b) bentuk elektronik melalui Paparan Visual, yang mengandungi arahan pengendalian, Terma dan Syarat dan/atau sebarang maklumat lain (termasuklah segala pindaan, perubahan dan pengubahan terhadapnya) berhubung dengan penggunaan Alliance BizSmart® untuk Perniagaan;

Pengguna bermaksud mana-mana satu atau lebih kakitangan Pelanggan yang dilantik dan diberi kebenaran oleh Pelanggan, yang telah diberikan ID Pengguna dan Kata Laluan oleh Pentadbir Sistem atau Bank untuk mengakses Alliance BizSmart® dan melaksanakan Transaksi serta mengeluarkan Arahan untuk dan bagi pihak Pelanggan;

Pelulus Pengguna bermaksud wakil Pelanggan yang diberi kuasa yang diberi kebenaran oleh Pelanggan untuk bertindak bagi pihak Pelanggan sebagai pelulus pengguna untuk meluluskan sebarang dan segala Arahan yang dikeluarkan dan Transaksi yang dilaksanakan oleh Pengguna untuk dan bagi pihak Pelanggan;

ID Pengguna bermaksud rangkaian aksara abjad angka unik yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pentadbir Sistem dan Pelulus Sistem secara berasingan; atau oleh Pentadbir Sistem kepada Pelulus Pengguna dan Pengguna secara berasingan yang mesti dimasukkan bersama dengan Kata Laluan untuk mendapatkan akses kepada Alliance BizSmart®;

Paparan Visual bermaksud monitor, panel, skrin atau kelengkapan lain yang menyediakan paparan visual laman pada Laman Web, yang digunakan oleh Pelanggan atau mana-mana Penggunanya untuk melihat Arahan pengendalian, Peraturan dan Pengawalan dan/atau sebarang maklumat lain (termasuklah segala pindaan, perubahan dan pengubahan terhadapnya) yang ditunjukkan oleh Sistem Bank melalui internet yang berkaitan dengan Alliance BizSmart®;

Laman Web bermaksud laman web Bank di URL: <http://www.alliancebank.com.my>;

## 1.2 TAFSIRAN

- (a) Perkataan-perkataan yang menandakan bentuk mufrad akan turut merangkumi bentuk jamak dan demikian sebaliknya.
- (b) Bagi perkataan-perkataan yang menggambarkan gender, perkataan yang membawakan maksud maskulin akan turut merangkumi feminin dan neuter.
- (c) Tajuk dan tajuk kecil yang terkandung di sini dimasukkan hanya bagi tujuan memudahkan rujukan sahaja dan harus diabaikan dalam pentafsiran Terma dan Syarat ini.

- (d) Sekiranya terdapat dua atau lebih individu yang terangkum dalam istilah Pelanggan:
- i. arahan, perjanjian, aku janji dan obligasi yang dinyatakan sebagai dikeluarkan atau diberikan atau dibuat oleh seorang individu, hendaklah dianggap sebagai telah dikeluarkan atau diberi atau dibuat oleh individu-individu tersebut dan mengikat mereka secara bersama dan berasingan;
  - ii. sebarang notis yang diberikan oleh Bank kepada salah seorang daripada individu-individu tersebut adalah memadai untuk maklumat kesemua pemegang akaun dan sebarang notis atau arahan yang dikeluarkan oleh salah satu daripada pemegang akaun kepada Bank akan dianggap sebagai dikeluarkan bagi pihak semua pemegang akaun dan Bank berhak melaksanakan sebarang tindakan dan bergantung kepada notis atau arahan tersebut tanpa membuat sebarang pertanyaan; dan
  - iii. sekiranya Pelanggan telah melantik Individu yang Diberi Kuasa atau Individu-individu yang Diberi Kuasa, segala rujukan kepada Pelanggan akan turut merujuk kepada Individu yang Diberi Kuasa atau Individu-individu yang Diberi Kuasa oleh Pelanggan tersebut.
- (e) Ungkapan pihak akan turut merangkumi rujukan kepada individu, syarikat dan/atau entiti yang sah di sisi Undang-undang, bergantung kepada konteks.
- (f) Untuk mengelakkan keraguan, dana yang telah dijelaskan bermaksud dana yang sedia untuk digunakan dalam bentuk tunai atau kredit dalam akaun, termasuklah dana yang (a) telah dikenal pasti oleh sistem perbankan sebagai telah dijelaskan, dan/atau (b) kredit atau dana yang tersedia daripada kemudahan overdraf atau sebarang kemudahan perbankan lain.
- (g) Sekiranya terdapat syarat dalam Syarat-syarat ini yang tidak konsisten dengan syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat serta dalam terma lain yang mungkin diperkenalkan atau dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, Syarat-syarat untuk Alliance BizSmart® akan diterima pakai bagi segala tujuan Alliance BizSmart®.

## 2.0 AM

2.1 Bank berhak meminda, menambah atau mengeluarkan mana-mana atau kesemua Syarat-syarat ini dan/atau mengubah atau menamatkan kesemua atau mana-mana bahagian atau skop perkhidmatan perbankan yang disediakan menerusi Alliance BizSmart® pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan (kecuali dinyatakan sebaliknya di sini). Penggunaan Alliance BizSmart® yang berterusan akan dianggap sebagai penerimaan oleh Pelanggan terhadap perubahan dalam Syarat-syarat tersebut.

2.2 Alliance BizSmart® yang disediakan adalah tertakluk kepada semakan berkala oleh Bank dan tertakluk kepada hak Bank untuk menambah, meminda, menarik balik atau menamatkan perkhidmatan tersebut pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui saluran komunikasi Bank.

2.3 Setiap Pelanggan adalah dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap segala Transaksi yang dibuat menurut Arahan atau Arahan yang dikeluarkan dengan Kod Keselamatan, sama ada Arahan tersebut adalah dibuat oleh Pelanggan, mana-mana Pentadbir Sistem, Pelulus Sistem dan/atau Individu yang Diberi Kuasa yang dibenarkan atau diberi keupayaan oleh Pelanggan untuk mendapatkan akses kepada Kod Keselamatan (walaupun individu tersebut melangkaui kuasa Pelanggan) atau oleh mana-mana individu yang mendapatkan Kod Keselamatan tersebut melalui Pelanggan dengan apa juga cara.

2.4 Bank bersetuju untuk melaksanakan usaha yang sewajarnya untuk memastikan Alliance BizSmart® dapat berfungsi sepenuhnya tetapi akan melaksanakan penyelenggaraan secara berkala terhadap kelengkapan Bank atau Sistem Bank yang mungkin akan menyebabkan gangguan terhadap Alliance BizSmart®. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas gangguan tersebut. Sekiranya terjadi sebarang kegagalan atau gangguan terhadap Alliance BizSmart®, Pelanggan mengakui bahawa perkhidmatan perbankan tersebut boleh dijalankan di kaunter di cawangan Bank atau mana-mana saluran lain yang tersedia untuk Pelanggan.

### 3.0 PERJANJIAN

3.1 Pelanggan boleh memohon untuk menggunakan Alliance BizSmart® yang pada setiap masa tertakluk kepada pertimbangan Bank sama ada untuk menolak atau menerima permohonan tersebut. Sekiranya permohonan ditolak oleh Bank, Bank akan memaklukkannya kepada pelanggan jika diminta.

3.2 Pelanggan yang diterima dan/atau diluluskan oleh Bank berhak mengeluarkan Arahan yang berkenaan dengan Alliance BizSmart® dengan menggunakan Kod Keselamatan melalui internet, dan Syarat-syarat ini akan dianggap sebagai diterima oleh Pelanggan dan mengikat Pelanggan secara automatik dan dengan serta-merta sebaik sahaja Pelanggan mula menggunakan Alliance BizSmart® atau mana-mana satu daripadanya.

3.3 Sekiranya Bank menawarkan perkhidmatan baharu atau tambahan, penggunaan perkhidmatan baharu atau tambahan tersebut oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada Syarat-syarat ini sebagaimana yang diubah suai oleh Bank dari semasa ke semasa serta terma dan syarat tambahan lain yang ditetapkan oleh Bank.

3.4 Syarat-syarat ini akan mengikat Pelanggan berhubung dengan penggunaan Alliance BizSmart® dan ia akan menggantikan sebarang perbincangan dan perjanjian yang dibuat sebelumnya antara Pelanggan dan Bank, serta menggantikan sebarang bahan pemasaran atau bahan yang seumpamanya berhubung dengan Alliance BizSmart® yang disampaikan kepada Pelanggan secara bertulis, lisan atau di Laman Web.

### 4.0 PERKONGSIAN

4.1 Bagi akaun perkongsian, melainkan sekiranya terdapat pengecualian yang dipohon oleh Pelanggan dan diluluskan oleh Bank tertakluk kepada sebarang terma dan syarat tambahan dan/atau semakan semula, semua rakan kongsi atau setiap rakan kongsi, sebagaimana yang dibenarkan oleh perkongsian tersebut, mesti membuat permohonan bersama bagi Alliance BizSmart®, dan semua rakan kongsi atau rakan kongsi yang dibenarkan tersebut (bergantung kepada keadaan) mesti diterima dan/atau diluluskan oleh Bank sebelum Alliance BizSmart® dapat disediakan.

4.2 Semua rakan kongsi (termasuklah rakan kongsi yang Token Keselamatan dan/atau PIN Kelulusan telah atau dilaporkan terjejas, hilang, tersalah letak, dibatalkan atau dicuri) mesti dipertanggungjawabkan pada setiap masa secara bersama atau berasingan kepada Bank bagi segala Arahan yang dikeluarkan dan Transaksi yang dilaksanakan dengan mana-mana Token Keselamatan dan/atau PIN Kelulusan yang dikeluarkan kepada mana-mana rakan kongsi.

4.3 Bagi Akaun perkongsian, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa sebarang Arahan daripada seorang rakan kongsi akan dianggap sebagai Arahan sebenar dan biasa bagi Akaun perkongsian tersebut dan bahawa Bank berhak untuk membuat tindakan dan menguatkuasakan, atau melaksanakan atau memproses Arahan tersebut tanpa sebarang liabiliti terhadap rakan kongsi lain dalam perkongsian tersebut. Bagaimanapun, tanpa prejudis terhadap yang tersebut di atas, sekiranya Bank menerima Arahan yang bercanggah atau tidak konsisten daripada seorang rakan kongsi sebelum menguatkuasakan atau melaksanakan atau memproses sesuatu Arahan daripada salah seorang rakan kongsi lain, Bank berhak untuk tidak mengambil tindakan atas mana-mana Arahan tersebut sehingga Bank menerima mandat daripada semua rakan kongsi menerusi arahan baharu berhubung dengan akaun perkongsian tersebut. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas kegagalannya untuk mengambil tindakan dan menguatkuasakan atau melaksanakan atau memproses sebarang Arahan tersebut atau atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul akibat kegagalan rakan kongsi untuk mengeluarkan Arahan baharu berhubung dengan akaun perkongsian tersebut .

### 5.0 .0 TANPA PREJUDIS TERHADAP MANA-MANA PERJANJIAN, TERMA ATAU SYARAT LAIN

5.1 Terma dan Syarat adalah tanpa prejudis, merupakan tambahan kepada dan tidak menjejaskan (a) mana-mana peraturan, pengawalan, terma dan syarat lain yang mentadbir dan mengawal atur Akaun Bank yang Ditetapkan dan/atau Akaun, dan/atau (b) mana-mana Perjanjian Lain. Sekiranya terdapat sebarang konflik, peruntukan yang lebih spesifik akan menggantikan yang umum dan prinsip contra proferentem tidak akan terpakai.



## 6.0 .0 PERKHIDMATAN ALLIANCE BIZSMART®

6.1 Bank akan menyediakan dan Pelanggan akan mempunyai hak untuk melanggan jenis-jenis perkhidmatan yang berlainan yang ditawarkan oleh Bank berhubung dengan Alliance BizSmart® melalui Laman Web semasa langganan.

6.2 Pelanggan mengakui bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh Bank berkenaan Alliance BizSmart® mungkin berbeza dan mungkin mengandungi sekatan tertentu. Langganan atau peningkatan daripada satu perkhidmatan atau kemudahan kepada yang lain oleh Pelanggan mungkin dibenarkan tertakluk kepada syarat serta fi dan caj yang berkenaan sebagaimana yang dikenakan oleh Bank.

6.3 Pelanggan selanjutnya mengakui dan menerima bahawa Bank mungkin, dari semasa ke semasa, berkenaan dengan Alliance BizSmart®, menyediakan, menambah atau menyemak semula perkhidmatan atau kemudahan sedia ada dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan.

## 7.0 .0 LANGGANAN ALLIANCE BIZSMART®

7.1 Pelanggan boleh memohon untuk mendaftar bagi menggunakan Alliance BizSmart® dengan mengemukakan yang berikut kepada Bank:

- (a) Surat Resolusi Pengarah dan/atau dokumen sokongan lain seumpamanya sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank yang menyertakan perincian mengenai individu yang akan dilantik sebagai Pelulus Sistem dan Pentadbir Sistem;
- (b) Borang permohonan yang telah dilengkapkan, yang boleh didapati di cawangan Bank; dan
- (c) Semua dokumentasi lain sebagaimana dan bila ditetapkan oleh Bank bagi tujuan pengesahan

7.2 Selepas maklumat yang diberikan oleh Pelanggan berjaya disahkan oleh Bank, Bank akan menghantar Pin Mailer melalui pos atau menghantar ePIN melalui e-mel dan Token Keselamatan kepada setiap Pelulus Sistem dan Pentadbir Sistem yang dilantik ke alamat perniagaan yang dikemukakan oleh Pelanggan dan didaftarkan dengan Bank. Setiap Pin Mailer terdiri daripada ID Pengguna dan Kata Laluan Sementara yang diperlukan oleh Pentadbir Sistem dan Pelulus Sistem untuk mengakses Alliance BizSmart®

## 7.3 PELULUS SISTEM DAN PENTADBIR SISTEM

7.3.1 Untuk mendaftar dan mendapatkan akses kepada Alliance BizSmart®, Pelulus Sistem dan Pentadbir Sistem dikehendaki mengakses Laman Web secara berasingan untuk memasukkan ID Pengguna dan Kata Laluan Sementara untuk log masuk dan pendaftaran kali pertama.

7.3.2 TAC sekali guna akan dihantar oleh Bank kepada Pelulus Sistem dan Pentadbir Sistem secara berasingan selepas pengesahan berjaya dibuat dan penerimaan ID Pengguna dan Kata Laluan Sementara yang dimasukkan oleh Pelulus Sistem dan Pentadbir Sistem.

7.3.3 Perkara-perkara berikut perlu diwujudkan oleh Pelulus Sistem dan Pentadbir Sistem secara berasingan:

- (i) Pelulus Sistem
  - (a) PIN Kelulusan, dan
  - (b) Kata Laluan baharu
- (ii) Pentadbir Sistem
  - (a) Kata Laluan baharu menurut prosedur yang ditetapkan oleh Bank sebagaimana yang terdapat di Laman Web.



7.3.4 Setelah perkara yang diperlukan tersebut diwujudkan, Pelulus Sistem dan Pentadbir Sistem dikehendaki mengemukakan secara berasingan melalui Laman Web, perincian yang baru diwujudkan tersebut kepada Bank berserta TAC sekali guna untuk menyempurnakan proses pendaftaran.

#### 7.4 PERUBAHAN ADALAH TERTAKLUK KEPADA KELULUSAN BANK

7.4.1 Pewujudan dan pengemukaan PIN Kelulusan dan Kata Laluan kepada Bank akan menyempurnakan proses pendaftaran bagi Pentadbir Sistem dan Pelulus Sistem untuk mengakses dan menggunakan Alliance BizSmart®. Sebarang perubahan yang dibuat kepada PIN Kelulusan dan Kata Laluan yang diwujudkan tersebut kemudiannya hanya akan berkuat kuasa setelah Bank dimaklumkan oleh Pelanggan mengenai perubahan tersebut mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Bank dan tertakluk kepada penerimaan serta kelulusan oleh Bank berkenaan perubahan tersebut.

#### 7A.0 APLIKASI MUDAH ALIH ALLIANCE BIZSMART®

7A.1 Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® boleh dimuat turun kepada peranti mudah alih yang menggunakan iOS, Android atau sistem pengendalian sokongan lain yang ditentukan oleh Bank. Ia membolehkan Pelanggan melaksanakan dan/atau meluluskan Transaksi Perbankan Dalam Talian pada peranti mudah alih. Bukan semua Transaksi yang terdapat di Alliance BizSmart® yang menggunakan internet boleh diakses menggunakan Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart®.

7A.2 Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® hanya membenarkan satu peranti mudah alih yang didaftarkan bagi setiap pengguna dan pendaftaran perlu dibuat untuk mengakses Perkhidmatan yang disediakan dalam Aplikasi Perbankan Mudah Alih. Pelanggan dikehendaki menjalani proses pendaftaran melalui SMS atau Token Keselamatan dan Pelulus Pengguna boleh menggunakan fungsi Token Mudah Alih BizSmart® untuk meluluskan transaksi dalam Alliance BizSmart®.

7A.3 Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memahami fungsi, standard keselamatan dan risiko bagi aplikasi mudah alih dan mesti mengelakkan daripada membuat sebarang tindakan atau peninggalan yang boleh menjejaskan akses Pelanggan untuk mengemas kini Aplikasi Mudah Alih Alliance BizSmart®.

7A.4 Pelanggan bertanggungjawab untuk mengemas kini Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® kepada versi yang terkini sebagaimana yang tersedia untuk Pelanggan dari semasa ke semasa. Pelanggan mungkin disekat daripada menggunakan Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® untuk melaksanakan transaksi kecuali setelah perisian yang dikemas kini telah dipasang.

7A.5 Pelanggan perlu memastikan keselamatan peranti mudah alih dan memuat turun atau memasang Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® hanya dari gedung rasmi aplikasi mudah alih sahaja.

7A.6 Bank tidak memberi jaminan bahawa Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® adalah sesuai dengan semua peranti mudah alih dan Bank berhak menukar versi sistem pengendalian yang boleh digunakan untuk Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® pada bila-bila masa.

7A.7 Pelanggan tidak boleh, atau tidak boleh membenarkan individu lain untuk mengubah atau mengubah suai, menerbitkan semula, membalikkan input, menyusun semula atau membongkar Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart® pada bila-bila masa.

7A.8 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami atau atas segala kos yang mungkin ditanggung kerana peranti, perkakasan atau perisian mengalami kerosakan atau kegagalan atau tercemar, atau sebarang penyalahgunaan Aplikasi Perbankan Mudah Alih Alliance BizSmart®.

7A.9 Bank berhak mengubah suai atau meningkatkan tahap keselamatannya dari semasa ke semasa dan memerlukan kerjasama segera Pelanggan untuk melaksanakan sebarang peningkatan terhadap perisian atau perkakasan untuk menyingkir dan/atau mencegah sebarang serangan virus atau malware.

## 8.0 PENGGUNAAN ALLIANCE BIZSMART®

### 8.1 PENTADBIR SISTEM DAN PELULUS SISTEM

8.1.1 Pentadbir Sistem dan Pelulus Sistem adalah individu yang diberi kebenaran oleh Pelanggan untuk melaksanakan fungsi pentadbiran untuk dan bagi pihak Pelanggan berhubung dengan penggunaan Alliance BizSmart® oleh Pengguna.

8.1.2 Pentadbir Sistem bertanggungjawab terhadap pewujudan:

- (a) akaun untuk digunakan oleh Pelulus Pengguna;
- (b) akaun pengguna sebagaimana yang diperuntukkan oleh Pelanggan dan profil pengguna untuk kegunaan Pengguna bagi mengakses Alliance BizSmart®.

8.1.3 Untuk mewujudkan akaun dan profil pengguna baharu, Pentadbir Sistem dikehendaki mendaftar masuk ke Laman Web dan memasukkan ID Pengguna dan Kata Laluan. Pewujudan sebarang akaun dan/atau profil pengguna oleh Pentadbir Sistem mesti dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Bank sebagaimana yang terdapat di Laman Web.

8.1.4 Setelah akaun baharu berjaya diwujudkan oleh Pentadbir Sistem, Pentadbir Sistem perlu melaksanakan yang berikut:

- (i) bagi Pelulus Pengguna:
  - (a) mewujudkan dan memperuntukkan ID Pengguna;
  - (b) mewujudkan dan memperuntukkan Kata Laluan Sementara
  - (c) memperuntukkan dan mengedarkan Token Keselamatan yang telah diterima menerusi PIN Mailer daripada Bank kepada Pelulus Pengguna
  - (d) mewujudkan dan memperuntukkan Nombor Siri Token
- (ii) bagi setiap Pengguna yang diperuntukkan oleh Pelanggan:
  - (a) ID Pengguna, dan
  - (b) Kata Laluan Sementara

8.1.5 Pelulus Sistem bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengawal pewujudan oleh Pentadbir Sistem (i) akaun untuk kegunaan Pelulus Sistem dan Pengguna; dan (ii) profil pengguna untuk kegunaan Pengguna bagi mengakses Alliance BizSmart®. Pewujudan akaun, profil pengguna dan segala tindakan lain seumpamanya yang dibuat berhubung dengannya oleh Pentadbir Sistem adalah tertakluk kepada pengesahan dan pelulusan terlebih dahulu oleh Pelulus Sistem.

8.1.6 Dalam apa juga keadaan Bank tidak boleh dipaksa untuk menguatkuasakan dan membenarkan mana-mana akaun dan/atau profil pengguna yang diwujudkan oleh Pentadbir Sistem tanpa pengesahan dan pelulusan oleh Pelulus Sistem terlebih dahulu. Sebarang pengesahan dan pelulusan oleh Pelulus Sistem berhubung dengan sebarang akaun dan/atau profil pengguna baharu yang diwujudkan oleh Pentadbir Sistem akan melibatkan yang berikut:

- (a) Pelulus Sistem mendaftar masuk ke Laman Web dan memasukkan ID Pengguna dan Kata Laluan;
- (b) Memohon Respons Token menggunakan Token Keselamatan; dan
- (c) Memuat turun Sijil Digital menerusi pengaktifan token

Dengan memohon Respons Token dan memuat turun Sijil Digital oleh dan melalui Pelulus Sistem, Pelanggan dianggap sebagai telah mengesahkan, menyetujui dan membenarkan pewujudan akaun dan/atau profil pengguna baharu oleh Pentadbir Sistem. Sebarang akaun dan/atau profil pengguna yang diwujudkan akan dianggap sebagai tidak dapat dipertikaikan dan diertikan sebagai sah dan diwujudkan bertepatan dengan Arahan Pelanggan.

## 8.2 FUNGSI PENTADBIRAN YANG DILAKSANAKAN OLEH BANK

Tertakluk kepada fi dan caj yang berkenaan, Pelanggan boleh memilih fungsi pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 8 ini untuk dilaksanakan oleh Bank. Bagi tujuan pelaksanaan fungsi pentadbiran yang merangkumi pewujudan sebarang akaun dan profil pengguna, Pelanggan dikehendaki menyediakan dan menetapkan perincian Pengguna yang dilantik oleh Pelanggan untuk memberikan Arahan dan melaksanakan Transaksi untuk dan bagi pihak Pelanggan. Bergantung kepada perkhidmatan yang dipilih dan dilanggan oleh Pelanggan yang ditawarkan oleh Bank melalui Alliance BizSmart®, Pelanggan perlu menyediakan dokumentasi, perincian dan maklumat yang diminta oleh Bank bagi pelaksanaan fungsi pentadbiran tersebut sebagaimana permintaan Pelanggan kepada Bank.

## 8.3 PELULUS PENGGUNA DAN PENGGUNA

8.3.1 Bagi log masuk kali pertama untuk mendapatkan akses kepada Alliance BizSmart®, perkara berikut perlu dimasukkan:

- (i) oleh Pelulus Pengguna:
  - (a) ID Pengguna;
  - (b) Kata Laluan Sementara; dan
  - (c) Nombor Siri Token yang diwujudkan oleh Pentadbir Sistem
  
- (ii) oleh Pengguna:
  - (a) ID Pengguna;
  - (b) Kata Laluan Sementara; dan
  - (c) nombor kad pengenalan di samping ID Pengguna dan Kata Laluan Sementara yang diwujudkan oleh Pentadbir Sistem dengan mengakses Laman Web.

8.3.2 TAC sekali guna akan dihantar secara berasingan oleh Bank kepada Pelulus Pengguna dan Pengguna setelah pengesahan dan penerimaan perincian yang dimasukkan oleh Pelulus Pengguna dan Pengguna.

8.3.3 Perkara-perkara berikut perlu diwujudkan oleh Pelulus Pengguna dan Pengguna secara berasingan:

- (i) Pelulus Pengguna:
  - (a) PIN Kelulusan, dan
  - (b) Kata Laluan baharu
- (ii) Pengguna:
  - (a) Kata Laluan baharu

menurut prosedur yang ditetapkan oleh Bank sebagaimana yang terdapat di Laman Web.

8.3.4 Setelah perincian yang diperlukan tersebut diwujudkan, Pelulus Pengguna dan Pengguna perlu mengemukakan secara berasingan melalui Laman Web, perincian yang baru diwujudkan tersebut kepada Bank berserta TAC sekali guna untuk menyempurnakan proses pendaftaran.

8.3.5 Pelulus Pengguna mesti bertanggungjawab untuk mengesahkan dan meluluskan sebarang Arahan dan Transaksi yang dilaksanakan oleh Pengguna. Dalam apa juga keadaan Bank tidak boleh dipaksa untuk melaksanakan sebarang Arahan dan Transaksi yang dilaksanakan oleh Pengguna tanpa pengesahan dan kelulusan terlebih dahulu oleh Pelulus Pengguna. Sebarang pengesahan dan pelulusan oleh Pelulus Pengguna berhubung dengan sebarang Arahan dan Transaksi yang dilaksanakan oleh Pengguna mestilah melibatkan yang berikut:

- (a) Pelulus Pengguna mendaftar masuk ke Laman Web dan memasukkan ID Pengguna dan Kata Laluan;
- (b) Memohon Token Response dengan menggunakan Token Keselamatan; dan
- (c) Memuat turun Sijil Digital menerusi pengaktifan token

Dengan memohon Respons Token dan memuat turun Sijil Digital oleh dan menerusi Pelulus Pengguna, Pelanggan dianggap sebagai telah mengesahkan, memberi persetujuan dan meluluskan sebarang Transaksi yang dilaksanakan oleh Pengguna. Sebarang Transaksi yang dilaksanakan kemudiannya akan dianggap sebagai tidak boleh dipertikaikan dan diertikan sebagai Arahan yang sah dan tepat oleh Pelanggan.

## 8.4 TANGGUNGJAWAB PELANGGAN

8.4.1 Pelanggan adalah dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kerahsiaan, penjagaan, keselamatan dan/atau penggunaan Token Keselamatan dan sebarang Kod Keselamatan oleh Individu yang Diberi Kuasa

8.4.2 Pelanggan mengakui dan menerima segala liabiliti, tanggungjawab dan risiko yang dikaitkan dengan memberi kuasa, membenarkan dan/atau memberikan kepada mana-mana Pelulus Sistem, Pentadbir Sistem, Pengguna, Pelulus Pengguna, ejen, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau mana-mana pihak lain, akses yang diberikan kepada Token Keselamatan dan mana-mana Kod Keselamatan

8.4.3 Segala tindakan, perbuatan dan/atau peninggalan oleh mana-mana pihak berkenaan penggunaan Token Keselamatan dan sebarang Kod Keselamatan, sama ada diberi kebenaran atau tidak oleh atau bagi pihak Pelanggan dan tanpa mengira bagaimana pihak tersebut memperoleh kawalan atau mendapatkan Token Keselamatan dan/atau sebarang Kod Keselamatan tersebut akan diertikan, dianggap dan ditafsirkan sebagai tindakan, perbuatan dan/atau peninggalan oleh Pelanggan.

8.4.4 Pelanggan mestilah memaklumkan dan melaporkan dengan segera kepada Operasi e-Perbankan di Bank secara bertulis atau menurut prosedur lain yang ditetapkan oleh Bank sebagaimana yang terdapat di Laman Web sekiranya Pelanggan:

(a) mengetahui atau mengesyaki bahawa mana-mana Kod Keselamatan dan/atau Token Keselamatan, telah terjejas, hilang, disalahletakkan, dicuri, didedahkan atau diperhatikan atau disyaki terdapat sebarang perkara yang tidak kena

(b) menyedari atau mengesyaki bahawa terdapat akses kepada dan/atau penggunaan Alliance BizSmart® tanpa kebenaran

8.4.5 Setelah menerima laporan tersebut (walaupun tidak diberikan oleh Pelanggan), Bank tanpa menanggung sebarang bentuk liabiliti, obligasi atau tanggungjawab kepada Pelanggan, berhak untuk dengan serta-merta (a) membatalkan sebarang Token Keselamatan yang dikeluarkan kepada Pelanggan serta segala Kod Keselamatan yang diwujudkan oleh Pelanggan, (b) tidak membenarkan sebarang akses selanjutnya atau membenarkan hanya sebahagian akses kepada Alliance BizSmart®, dan/atau (c) tidak melaksanakan, menolak dan menghentikan secara sementara dan/atau membalikkan sebarang Arahan semasa atau selanjutnya. Pelanggan perlu mengembalikan atau menyebabkan pengembalian dengan serta-merta segala Token Keselamatan yang dibatalkan yang masih berada dalam kawalan atau simpanan Pelanggan kepada Bank.

8.4.6 Pelanggan mengesahkan bahawa mana-mana ejen, kakitangan, pekerja atau wakil yang dilantik sebagai Individu yang Diberi Kuasa oleh Pelanggan dalam borang permohonan diberi kebenaran untuk mengakses Alliance BizSmart® dan bertindak bagi pihak Pelanggan.

## 8.5 TANGGUNGJAWAB BANK

8.5.1 Bank akan melaksanakan usaha yang sebaik mungkin dan mengambil langkah yang munasabah dan menggunakan kemahiran sewajarnya dalam mengendalikan Arahan dan Transaksi yang dikeluarkan.

8.5.2 Apabila Arahan atau Arahan-arahan dikeluarkan untuk memindahkan dana kepada atau daripada Akaun Pelanggan yang telah Ditetapkan, Bank diberi kuasa untuk mengeluarkan dana daripada Akaun tersebut menurut keperluan.

8.5.3 Bank akan menganggap bahawa Pelanggan telah memberi persetujuan kepada Bank untuk bertindak atas Arahan yang dikeluarkan kecuali kesahihan Arahan tersebut diragui. Dalam keadaan tersebut, Bank hanya akan meneruskan pelaksanaan Arahan dan Transaksi selepas dibuat pemeriksaan yang munasabah dan setelah mengesahkan bahawa Arahan dan Transaksi tersebut adalah sah. Kecuali Bank bertindak dengan kecauaian melampau, Bank tidak akan menanggung liabiliti bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atas sebarang kelewatan dan gangguan yang diakibatkan oleh pemeriksaan yang munasabah tersebut.

## **9.0 TOKEN KESELAMATAN DAN RESPONS TOKEN**

9.1 Pelanggan mengakui bahawa Token Keselamatan merupakan langkah keselamatan tambahan yang diambil oleh Bank untuk memastikan bahawa segala tindakan yang diambil oleh Pentadbir Sistem berhubung dengan Alliance BizSmart® dan Arahan yang dikeluarkan oleh Pengguna untuk dan bagi pihak Bank adalah dengan kebenaran Pelanggan melalui Pelulus Sistem dan Pelulus Pengguna.

9.2 Bank berhak meminta Pelanggan untuk mengembalikan Token Keselamatan pada bila-bila masa dan Pelanggan mesti memulangkan Token Keselamatan tersebut kepada Bank. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang diakibatkan oleh permintaan Bank melainkan Bank bertindak dengan kecauaian melampau dalam membuat permintaan tersebut.

## **10.0 LESEN HANYA UNTUK PENGGUNAAN KOD KESELAMATAN**

10.1 Berkenaan dengan Kod Keselamatan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan, Pelanggan diberikan lesen yang sulit, tidak boleh diserahkan hak, tidak boleh dipindah milik dan boleh ditarik balik hanya untuk mengeluarkan Arahan dan melaksanakan Transaksi menurut segala Terma dan Syarat. Tiada sebarang bentuk hak lain akan diberikan kepada Pelanggan.

10.2 Bank mengekalkan segala hak cipta, hak harta intelek, pemilikan dan hak milik bagi segala Kod Keselamatan yang dikeluarkan kepada atau dikendalikan oleh Pelanggan

## **11.0 HAK BANK UNTUK MEMBATALKAN ATAU MENUKAR SEBARANG KOD KESELAMATAN YANG DIKELUARKAN**

11.1 Bank berhak untuk (a) menukar dan/atau membatalkan mana-mana dan/atau semua Kod Keselamatan yang telah dikeluarkan kepada Pelanggan termasuklah tetapi tidak terhad kepada Respons Token bagi tujuan keselamatan dan Bank boleh (b) mengeluarkan satu set Kod Keselamatan kepada Pelanggan, di mana Kod Keselamatan yang baharu tersebut akan berkuat kuasa dengan serta-merta.

## **12.0 HAD BAGI BAKI AKAUN**

12.1 Bank berhak mensyaratkan Pelanggan untuk mengekalkan baki minimum pada satu-satu masa dalam mana-mana Akaun, di mana sekiranya gagal berbuat demikian, Bank boleh mengenakan penalti, menggantung atau menamatkan penggunaan Alliance BizSmart® oleh Pelanggan.

## **13.0 AKAUN YANG DITETAPKAN DAN KECUKUPAN DANA**

### **13.1. PENETAPAN AKAUN OLEH PELANGGAN**

Tanpa prejudis terhadap hak Bank untuk mendebit mana-mana Akaun, Akaun yang Ditetapkan akan digunakan oleh Bank untuk Alliance BizSmart®. Sekiranya tiada penetapan yang jelas dibuat bagi Akaun tertentu, semua Akaun Pelanggan akan menjadi Akaun Bank yang Ditetapkan.

Sebagai pilihan kepada yang di atas, Bank menurut budi bicaranya berhak menetapkan sesuatu Akaun untuk dan bagi pihak Pelanggan sebagai Akaun yang Ditetapkan dan memaklumkan kepada Pelanggan mengenai Akaun yang Ditetapkan tersebut sebaik sahaja boleh berbuat demikian.

Tanpa menghadkan hak Bank untuk menamatkan atau menggantung Alliance BizSmart® sebagaimana yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat, Bank akan menggantung dan/atau menamatkan mana-mana bahagian atau keseluruhan Alliance BizSmart® bagi Pelanggan tersebut, sekiranya Pelanggan tersebut menutup Akaun yang Ditetapkan dengan Bank dan/atau semua Akaunnya dengan Bank.

## 13.2. MEMASTIKAN DANA YANG TERSEDIA ADALAH MENCUKUPI

Pelanggan perlu memastikan bahawa dana yang telah dijelaskan adalah mencukupi sepanjang masa dalam Akaun dan/atau Akaun-akaun yang Ditetapkan untuk melaksanakan setiap satu Arahan dan Transaksi, termasuklah bayaran bagi caj sebagaimana dalam Fasal 23 di bawah.

Sekiranya Akaun dan/atau Akaun-akaun yang Ditetapkan tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk melaksanakan sebarang Arahan atau Transaksi, Bank berhak melaksanakan mana-mana yang berikut:

### 13.2.1. Menolak dan enggan melaksanakan Arahan

Menolak dan/atau enggan melaksanakan sebarang Arahan atau Transaksi tersebut, dan Arahan bagi Transaksi tersebut akan dianggap sebagai tidak sah.

### 13.2.2. Melaksanakan Arahan

Tertakluk kepada Had, Bank boleh (dengan atau tanpa sebarang pengaturan yang dibuat terlebih dahulu oleh Pelanggan dengan Bank dan dipersetujui oleh Bank) melaksanakan Arahan dan/atau Transaksi tersebut, dan dalam situasi sedemikian, segala jumlah yang melebihi dana yang telah dijelaskan dalam Akaun dan/atau Akaun-akaun yang Ditetapkan akan menjadi hutang Pelanggan kepada Bank dengan serta-merta.

## 14.0 HAD

14.1 Bank boleh, dari semasa ke semasa, mengenakan atau mengubah had pemindahan, pembayaran dan bilangan Transaksi yang dilaksanakan pada satu-satu masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

14.2 Bank berhak menolak dan/atau enggan melaksanakan sebarang Arahan atau Transaksi yang melampaui atau melebihi had yang ditetapkan, dan Arahan bagi Transaksi tersebut akan dianggap sebagai tidak sah.

14.3 Pelanggan berhak memohon untuk meningkatkan atau mengurangkan had tersebut dan Bank berhak untuk menolak atau meluluskan permohonan tersebut, atau meluluskan permohonan tersebut tertakluk kepada sebarang syarat tambahan dan/atau yang disemak semula.

14.4 Had baharu, sama ada yang dipohon oleh Pelanggan dan diluluskan oleh Bank, atau ditetapkan secara sepihak oleh Bank, adalah tertakluk kepada pengesahan secara bertulis oleh Bank dan hanya akan berkuat kuasa dan mengikat mulai tarikh tersebut dan dengan pematuhan Pelanggan terhadap syarat tambahan dan/atau yang disemak semula (sekiranya ada), yang dinyatakan dalam pengesahan tersebut.

14.5 Untuk mengelakkan keraguan, Bank berhak untuk meminda, menukar, mengubah atau menarik balik sebarang had yang sebelumnya telah dipohon oleh Pelanggan dan diluluskan oleh Bank.

## 15.0 PEMBERITAHUAN KEPADA BANK

15.1 Pelanggan mengaku bahawa adalah menjadi tanggungjawabnya untuk memaklumkan kepada Bank dengan segera berkenaan perkara-perkara berikut:

(a) Sebaik sahaja menerima data atau maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat daripada Bank berhubung dengan Arahan atau Transaksi oleh Pelanggan;

(b) Sebaik sahaja menerima sebarang maklumat atau data yang tidak ditujukan kepada Pelanggan;

(c) Sebaik sahaja menyedari atau mengesyaki bahawa Arahan yang dihantar oleh Pelanggan tidak diterima oleh Bank, tidak tepat atau tidak lengkap termasuklah kesilapan atau penipuan dan pembayaran tanpa kebenaran daripada atau kepada Akaun atau Akaun-akaun Pelanggan.

15.2 Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami yang diakibatkan oleh kelewatan Pelanggan memaklumkan perkara di atas.

## **16.0 SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI KESELURUHAN ALLIANCE BIZSMART**

Melainkan sekiranya dinyatakan sebaliknya dengan jelas oleh Terma dan Syarat:

### **16.1 TERTAKLUK KEPADA AMALAN BIASA**

Segala Arahan dan Transaksi adalah tertakluk kepada amalan lazim serta terma dan syarat Bank, sebagaimana yang terpakai sekiranya Arahan dan Transaksi tersebut dilaksanakan di kaunter Bank.

### **16.2 MATA WANG ASING**

Segala Arahan dan Transaksi yang memerlukan mata wang asing akan didebitkan oleh Bank daripada Pelanggan pada nilai Ringgit yang setara yang dikira mengikut kadar tukaran semasa apabila Arahan tersebut diproses atau apabila Transaksi tersebut dilaksanakan, bergantung kepada Bank.

### **16.3 KADAR TUKARAN ADALAH ANGGARAN SAHAJA**

Semua kadar tukaran dan/atau kadar pertukaran yang diberikan oleh Bank melalui Paparan Visual merupakan anggaran sahaja dan mungkin tidak mencerminkan kadar pertukaran semasa yang sebenar.

### **16.4 MAKLUMAT TERTAKLUK KEPADA PENGEMASKINIAN**

Segala maklumat dalam apa juga bentuk dan disediakan oleh Bank melalui Paparan Visual, termasuklah (a) baki dan/atau perincian lain mengenai Akaun dan/atau Akaun-akaun yang Ditetapkan, (b) senarai Arahan dan/atau Transaksi sebelumnya, dan/atau (c) sebarang maklumat lain dalam apa juga bentuk, mungkin bukan yang sebenar atau terkini dan adalah tertakluk kepada perubahan dan/atau pengemaskinian.

Maklumat yang tersebut di atas tidak boleh dianggap sebagai sebarang bentuk pernyataan oleh Bank.

### **16.5 TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG**

Keseluruhan Alliance BizSmart, segala Arahan dan Transaksi adalah tertakluk kepada Undang-undang, Peraturan Bank Negara, dan/atau mana-mana peraturan atau pengawalan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa yang berkenaan. Sekiranya Transaksi dibuat secara keseluruhan atau sebahagian di bawah bidang kuasa asing, maka Transaksi tersebut atau sebahagian daripadanya yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa asing tersebut juga akan tertakluk kepada undang-undang dan/atau peraturan perbankan bagi kawasan bidang kuasa yang berkenaan semasa penguatkuasaannya. Pelanggan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa Arahan dan Transaksi tidak melanggar, mengingkari atau menyalahi mana-mana yang tersebut di atas. Sekiranya Arahan dan/atau Transaksi tertentu tidak boleh diproses, dilaksanakan atau disempurnakan atas sebab di atas, setelah menerima pengesahan berkenaan dengannya Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan sebaik sahaja boleh berbuat demikian.

## **17.0 ARAHAN**

### **17.1 PELAKSANAAN ARAHAN**

17.1.1 Segala Arahan yang diberi oleh Pelanggan termasuklah yang diberi oleh mana-mana Individu yang Diberi Kuasa untuk dan bagi pihak Bank, walaupun ianya dikeluarkan secara penipuan atau bercanggah dengan terma bagi mana-mana Arahan yang diberi oleh Pelanggan, akan dianggap sebagai Arahan sebenar yang diberi secara sah oleh Pelanggan kepada Bank. Bank berhak meletakkan kepercayaan dan bertindak menurut Arahan tersebut tanpa mendapatkan kepastian atau pengesahan lanjut daripada Pelanggan. Kecuali Bank mempunyai sebab yang munasabah untuk meragui kesahihan atau ketepatan Arahan yang diberi, Bank tidak mempunyai obligasi untuk memeriksa kesahihan atau ketepatan Arahan yang dikeluarkan dan diluluskan oleh Individu yang Diberi Kuasa.

17.1.2 Sebaik sahaja menerima Arahan yang telah diluluskan oleh Pelulus Pengguna Pelanggan, Bank mempunyai obligasi untuk memproses dan melaksanakan tindakan bagi Arahan tersebut menurut amalan perniagaan, prosedur dan dasar Bank yang telah ditetapkan. Pelanggan bertanggungjawab terhadap segala dan sebarang Arahan yang dikeluarkan berhubung dengan Alliance BizSmart® dan Bank tidak akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti dalam apa juga bentuk bagi sebarang Arahan tanpa kebenaran, berunsur penipuan atau salah.



17.1.3 Pelanggan mengakui dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa semua Arahan yang dikeluarkan adalah tepat dan lengkap, termasuklah tetapi tidak terhad kepada memastikan ketepatan nombor akaun Penerima, amaun bagi Transaksi yang ingin dilaksanakan dan nombor pengenalan Penerima. Bank tidak mempunyai obligasi untuk mengesahkan, memastikan atau melengkapkan sebarang Arahan yang tidak lengkap dan/atau tidak konsisten. Pelanggan mengakui dan menerima bahawa Bank akan melaksanakan Transaksi berdasarkan Arahan yang dikeluarkan oleh Pelanggan dan oleh itu tidak akan dipertanggungjawabkan bagi sebarang kerugian atau kelewatan yang disebabkan oleh sebarang Arahan yang tidak tepat, tidak lengkap dan/atau tidak konsisten tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya nama Penerima turut diberikan oleh Pelanggan, Pelanggan mengakui dan menerima bahawa Bank tidak akan mengesahkan sama ada Penerima yang dinamakan tersebut merupakan pemegang kepada nombor Akaun Penerima yang diberikan oleh Pelanggan.

17.1.4 Bank berhak untuk tidak bertindak atau menangguhkan tindakan bagi sesuatu Arahan, sekiranya Bank mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa:

- (a) Arahan yang dikeluarkan adalah bagi tujuan yang menyalahi undang-undang;
  - (b) Ia adalah bercanggah dengan amalan perniagaan biasa, garis panduan, prosedur dan dasar Bank;
  - (c) Arahan tidak mendapat kelulusan yang sewajarnya; atau
  - (d) Terjadinya pelanggaran keselamatan
- Sekiranya terjadi mana-mana yang di atas, Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan dengan segera.

17.1.5 Pelanggan mengakui dan memahami bahawa Arahan yang dikeluarkan melalui Alliance BizSmart® tidak boleh ditarik balik dan mengikat Pelanggan mulai dari masa ia dihantar kepada Bank dan Pelanggan adalah terikat untuk menyempurnakan transaksi tersebut.

## 17.2 PEMBATALAN ATAU PINDAAN ARAHAN

17.2.1 Walaupun dinyatakan dalam Fasal 17.1.5 di atas, sebarang pengubahsuaian, pembatalan atau pindaan terhadap Arahan yang telah dihantar kepada Bank tetapi belum diproses mungkin dibenarkan oleh Sistem Bank dan apabila menerima permintaan tersebut Bank boleh melaksanakan langkah yang munasabah untuk mengubah suai, membatalkan atau meminda Arahan tersebut. Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang penolakan, kegagalan, kerugian atau kelewatan yang dialami dalam hal tersebut.

17.2.2 Bagi arahan yang telah diproses, Pelanggan tidak dibenarkan membatalkan atau meminda Arahan tersebut. Sebarang permintaan untuk membuat pindaan atau pembatalan mestilah dikemukakan secara bertulis kepada Bank. Bagaimanapun, Bank boleh (tetapi tidak mempunyai obligasi untuk):

- (a) menolak untuk mengembalikan dana yang telah dihantar atau ditunaikan kepada Pelanggan; atau
  - (b) Memenuhi permintaan Pelanggan untuk meminda Arahan.
- Kos dan caj yang ditanggung oleh Bank dalam mengendalikan permintaan Pelanggan akan ditanggung oleh Pelanggan tersebut dan boleh didebit dari Akaun Pelanggan yang Telah Ditetapkan.

## 18.0 KUASA INDIVIDU YANG DIBERI KUASA

18.1 Kecuali dimaklumkan sebaliknya oleh Pelanggan secara bertulis kepada Bank atau dihadkan oleh langganan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, Pengguna mempunyai kuasa untuk melaksanakan Transaksi dan/atau Arahan, dan Pelulus Pengguna, dalam pelaksanaan usaha wajar dan fungsi harus mengesahkan dan meluluskan Arahan tersebut untuk dan bagi pihak Pelanggan sebagaimana arahan tersebut dibuat oleh Pelanggan.

18.2 Pelulus Sistem, Pelulus Pengguna dan/atau Individu yang Diberi Kuasa yang dikenal pasti oleh Pelanggan mempunyai kuasa untuk memberi persetujuan untuk dan bagi pihak Pelanggan bagi perubahan, penambahan atau pengeluaran sebarang terma yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Alliance BizSmart® dan sebarang Syarat-syarat lain yang dikenakan kepada Pelanggan dalam penggunaan Alliance BizSmart® dari semasa ke semasa. Sebarang perjanjian yang dibuat menurut Fasal ini oleh Individu yang Diberi Kuasa yang berkenaan akan dianggap sebagai sah dan mengikat ke atas Pelanggan.

18.3 Walaupun dinyatakan dalam Fasal 8.4.3, Pelanggan memberi persetujuan yang tidak boleh ditarik balik dan tidak bersyarat untuk terikat dengan segala tindakan yang dibuat oleh Individu yang Diberi Kuasa.

18.4 Kecuali Pentadbir Sistem, Pelulus Sistem dan Pelulus Pengguna, sebarang penamatan kuasa Individu yang Diberi Kuasa lain oleh Pelanggan mesti dimaklumkan secara bertulis kepada Bank. Bagi pengguguran mana-mana Pentadbir Sistem, Pelulus Sistem dan/atau Pelulus Pengguna, Pelanggan mengakui dan menerima bahawa penamatan tersebut perlu dibuat secara bertulis dan disokong oleh bukti Resolusi Lembaga Pengarah atau dokumen lain seumpamanya sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank. Segala Arahan dan Transaksi yang dikeluarkan sebelum Bank menerima penamatan mana-mana Individu yang Diberi Kuasa akan dianggap sebagai sah dan akan mengikat Pelanggan.

## 19.0 LIABILITI DAN PENGECUALIAN

19.1 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan oleh Pelanggan atas sebarang kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan dan/atau sebarang perkara lain yang menjejaskan Pelanggan yang timbul daripada dan/atau merupakan akibat sampingan salah satu atau lebih yang berikut:

19.1.1 Sebarang kelewatan, ralat atau kesilapan

Daripada sebarang kelewatan, ralat, ketidakmampuan, kesilapan dan/atau peninggalan dalam peruntukan apa juga bentuk Alliance BizSmart®, termasuk yang timbul daripada dan/atau merupakan akibat sampingan kepada (a) mana-mana Undang-undang, Peraturan Bank Negara, sebarang undang-undang atau peraturan perbankan asing lain yang berkenaan, dan/atau sebarang peraturan atau pengawalan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa dalam hal tersebut (b) sebarang ralat, kesilapan, kegagalan dan/atau kecuaiian oleh pihak Bank (tidak termasuk penipuan dan kesemberonoan), (c) penyediaan, penyerahan dan/atau penghantaran sebarang Arahan dan/atau Transaksi, (d) Penerima yang tidak dapat dikesan atau kesilapan dalam pengenalpastian Penerima, dan/atau (e) Penerima tidak dapat menerima, menyediakan, mengemukakan atau menggunakan sebarang Arahan, dokumen kredit, pembayaran dan/atau Pengiriman wang; walau apa pun sebabnya.

19.1.2 Kerosakan

Daripada sebarang kerosakan, gangguan dan/atau penutupan mana-mana satu atau lebih perkhidmatan utiliti atau sistem (sama ada di dalam atau luar Bank), dan/atau Sistem Bank yang timbul daripada atau berbetulan dengan (a) sebarang kelemahan, kekurangan atau peninggalan dalam Sistem Bank, atau (b) terputusnya bekalan elektrik, bekalan utiliti yang tidak mencukupi, kerosakan atau kegagalan dari segi elektrik, mekanikal atau tenaga manusia, pergolakan, kebakaran, mogok, tindakan industri, sekatan masuk kerja, peperangan dan/atau akibat virus komputer, dan/atau (c) apa juga punca sekalipun.

19.1.3 Bencana alam atau kejadian yang di luar kawalan Bank

Daripada bencana alam, force majeure, gempa bumi, banjir, tanah runtuh, gelinciran tanah, ribut, ribut kencang dan/atau sebarang sebab lain, kejadian atau alasan yang di luar kawalan Bank, kecuali disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh Bank.

19.1.4 Menurut pandangan Bank yang munasabah, ia adalah bagi tujuan mencegah jenayah atau mematuhi undang-undang atau peraturan.

19.1.5 Ia merupakan akibat pemeriksaan yang dibuat sebagai sebahagian daripada sistem pemprosesan Bank.

19.2 Sekiranya Pelanggan menanggung sebarang kelewatan, kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan dan/atau perkara lain yang memudaratkan, Pelanggan dengan ini mengecualikan Bank daripada sebarang dan segala liabiliti dan tanggungjawab, dan/atau menyetepikan segala hak dan remedi Pelanggan terhadap Bank yang berkenaan dengannya.

19.3 Pelanggan berhak mendapat pemulangan bagi Arahan yang dibuat tanpa kebenaran (tidak termasuk Arahan bagi pembayaran yang diluluskan secara penipuan) atau yang tidak dilaksanakan dengan betul yang disebabkan oleh kecuaiian melampau Bank. Pelanggan mengakui bahawa pemulangan yang dibuat dalam situasi sedemikian hanya akan dibuat oleh Bank atas dasar usaha terbaik. Ini tertakluk kepada sekiranya Pelanggan memaklumkan kepada Bank secara bertulis dengan segera dan tidak lebih daripada TIGA (3) hari selepas pembayaran didebitkan.

19.4 Pelanggan dipertanggungjawabkan atas segala pembayaran tanpa kebenaran atau yang tidak dilaksanakan dengan betul yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan atau peninggalan yang dibuat oleh Pelanggan:

(a) Sekiranya Pelanggan melakukan penipuan atau dengan sengaja atau dengan kecuaiian melampau gagal mematuhi syarat-syarat yang mentadbir Alliance BizSmart®.

(b) Sekiranya tiada kelewatan yang tidak wajar dan sekiranya dalam masa TIGA (3) hari selepas pembayaran tersebut, Pelanggan gagal memaklumkan kepada Bank mengenai pembayaran yang tidak dilaksanakan dengan betul sebagaimana dalam Fasal 19.3 di atas.

19.5 Bagi sebarang pembayaran tanpa kebenaran atau tidak dilaksanakan dengan betul yang dibuat oleh Bank yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan atau peninggalan oleh Pelanggan menurut Fasal 19.4 di atas, Pelanggan bertanggungjawab membayar balik sebarang pembayaran yang dibuat tanpa kebenaran atau yang tidak dilaksanakan dengan betul oleh Bank, sebagaimana dan bila dituntut oleh Bank.

## 20.0 JANJI PELANGGAN

Pelanggan dengan ini bersetuju, berjanji dan mengaku janji untuk menanggung sepenuhnya kos dan perbelanjaan bagi melaksanakan dan menyelenggarakan yang berikut:

### 20.1 Penyediaan Sistem & Keselamatan Komputer Pelanggan

#### 20.1.1 Penyediaan sistem komputer

Bahawa Pelanggan telah atau perlu menyediakan komputer dan/atau sistem komputer yang mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan Arahan menggunakan Kod Keselamatan kepada Sistem Bank. Bahawa Pelanggan perlu memasang sebarang dan segala perkakasan tambahan dan/atau yang disyorkan dan/atau perisian yang diperlukan untuk menjadikan sistem komputer Pelanggan sesuai dan tidak bercanggah dengan Sistem Bank. Bahawa Pelanggan mesti melaksanakan segala perkara yang perlu apabila diminta oleh Bank berhubung dengan penggunaan Alliance BizSmart®.

#### 20.1.2 Sistem komputer yang selamat

Bahawa komputer atau sistem komputer dan/atau sebarang sistem pentadbiran, komunikasi, pengurusan dan pengendalian lain yang saling berkait dan/atau yang berkaitan atau sistem lain yang digunakan oleh Pelanggan berkenaan dengan Kod Keselamatan dan/atau Alliance BizSmart® mestilah selamat, terjamin dan tidak terjejas dalam apa cara pun atau tidak digunakan dengan cara yang menyalahi atau mengingkari Terma dan Syarat

#### 20.1.3 Risiko yang Berkaitan dengan Internet

Bahawa memandangkan kurangnya langkah keselamatan akan memudahkan pihak ketiga yang tidak mempunyai kebenaran untuk mengakses sistem komputer atau peranti Pelanggan, adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk mengambil langkah sewajarnya untuk melindungi Pelanggan daripada risiko akses tanpa kebenaran.

Bahawa Pelanggan perlu mematuhi sebarang langkah keselamatan yang telah dilaksanakan oleh Bank berkenaan dengan Alliance BizSmart® termasuklah mekanisma antipancing data dan langkah keselamatan teknologi sebagaimana yang tersedia dari semasa ke semasa dan dilaksanakan oleh Bank

### 20.2 Pematuhan Segala Terma dan Syarat & Membuat Pembayaran

Bahawa Pelanggan mesti mematuhi dan menurut segala Terma dan Syarat sepanjang masa dan membuat pembayaran dengan segera segala hutang, faedah dan wang yang perlu dijelaskan kepada Bank menurut Terma dan Syarat tanpa perlu menghadapi tuntutan terlebih dahulu.

Bahawa Pelanggan perlu membuat segala pembayaran tersebut sepenuhnya, tanpa sebarang hak untuk membuat sebarang potongan, tuntutan balas, tolak selesai atau penangguhan dalam apa juga bentuk.

#### 20.3 Liabiliti, Tanggungjawab & Penerimaan Risiko oleh Pelanggan

Bahawa Pelanggan menerima sebarang dan segala Kod Keselamatan dan menanggung liabiliti dan risiko dalam menggunakan Alliance BizSmart®. Pelanggan selanjutnya mengaku bahawa corak penggunaannya mungkin dipantau oleh pihak ketiga dan Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti atau bertanggungjawab atas sebarang pemantauan atau akses oleh pihak ketiga tanpa kebenaran dan/atau kawalan Bank.

## 21.0 PEMROSESAN ARAHAN YANG MELIBATKAN TRANSAKSI PERBANKAN

Bank mungkin menyediakan rangkaian perkhidmatan sebagai sebahagian daripada Alliance BizSmart termasuklah pemindahan dana, pembayaran pukal kepada pelbagai Koresponden, pembayaran bil dan pemprosesan pembayaran gaji. Bank akan mengusahakan yang terbaik (tanpa jaminan) untuk memproses Arahan yang diterima berkenaan dengan Transaksi perbankan berikut, dalam jangka masa di bawah:

### 21.1 PEMROSESAN ARAHAN TERTENTU

#### 21.1.1 Pemindahan bertelegraf

Arahan berkenaan pemindahan bertelegraf sekiranya diterima oleh Bank pada Hari Perniagaan sebelum masa yang ditetapkan oleh Bank akan diproses dalam masa yang dinyatakan oleh Bank. Sekiranya Arahan diterima selepas masa yang ditetapkan pada Hari Perniagaan atau diterima pada hari yang bukan Hari Perniagaan, ia akan diproses pada Hari Perniagaan yang berikutnya atau hari lain yang ditetapkan oleh Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan.

#### 21.1.2 Sistem GIRO Antara Bank

Arahan berkenaan Sistem GIRO Antara Bank mesti diterima oleh Bank pada Hari Perniagaan sebelum masa tertentu yang ditetapkan oleh Bank supaya dapat diproses dalam masa yang dinyatakan oleh Bank. Sekiranya Arahan diterima selepas masa tertentu pada Hari Perniagaan atau diterima pada hari yang bukan Hari Perniagaan, ia akan diproses pada Hari Perniagaan yang berikutnya atau hari lain yang ditetapkan oleh Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan. Pemprosesan Arahan tersebut oleh Bank juga adalah tertakluk kepada terma dan syarat dan/atau kelulusan Bank yang Menyertai di mana Penerima merupakan pemegang akaun di bank tersebut.

#### 21.1.3 Pemindahan Dana kepada Akaun Sendiri atau Pihak Ketiga

Pemindahan dana kepada sama ada Akaun Pelanggan itu sendiri atau kepada akaun pihak ketiga dengan Bank atau bank lain, akan diproses dan dilaksanakan dengan segera.

#### 21.1.4 Transaksi Lain

Arahan bagi semua Transaksi lain bagi Alliance BizSmart®, yang diterima sebelum jam 3 petang pada Hari Perniagaan akan diproses pada Hari Perniagaan tersebut, kecuali permohonan buku cek di mana Takat Masa semasa adalah pada jam 2:30 petang atau Takat Masa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dan dimaklumkan kepada Pelanggan dari semasa ke semasa.

#### 21.1.5 Pemprosesan hari berikutnya

Arahan bagi sebarang Transaksi yang diterima selepas masa yang tersebut di atas akan diproses selewat-lewatnya pada Hari Perniagaan yang berikutnya.

### 21.2 PEMROSESAN ARAHAN

Untuk mengelakkan keraguan:

#### 21.2.1 Arahan bagi pemindahan dana secara kabel, telefon, telegraf atau cara elektronik yang lain

Berkenaan dengan sebarang Arahan yang memerlukan pemindahan dana secara kabel, telefon, telegraf atau cara elektronik yang lain, pemprosesan Arahan tersebut bermaksud Bank, dalam jangka masa yang tersebut di atas, akan berusaha untuk melaksanakan apa yang perlu dibuat oleh pihak Bank untuk melaksanakan Transaksi yang berkenaan.

Sama ada Penerima benar-benar menerima pindahan dana dalam jangka masa yang tersebut di atas adalah bergantung kepada faktor-faktor di luar kawalan Bank, dan mungkin akan dilaksanakan atau tidak dalam jangka masa yang tersebut di atas.

Pelanggan akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengeluarkan Arahan menurut masa yang sepatutnya bagi Transaksi yang dibuat menerusi laman web pihak ketiga atau sistem gerbang pembayaran untuk menepati tarikh pembayaran yang ditetapkan kepada Penerima.

#### 21.2.2 Arahan yang memerlukan dokumentasi fizikal

Berkenaan dengan sebarang Arahan yang memerlukan penyediaan, penyampaian dan/atau pengiriman dokumentasi atau pembayaran fizikal, pemprosesan Arahan tersebut bermaksud Bank, dalam jangka masa yang tersebut di atas, akan melaksanakan usaha untuk menyediakan dan mempersiapkan dokumentasi atau pembayaran yang diperlukan untuk penyampaian, pengiriman atau penghantaran tersebut.

Pelaksanaan sebenar sebarang penyampaian, pengiriman atau penghantaran (sama ada melalui pos, kurier, serahan tangan atau sebaliknya) dokumentasi atau pembayaran fizikal kepada, atau penerimaannya oleh Penerima, bukan merupakan sebahagian daripada pemprosesan Arahan, dan terdapat kemungkinan ia tidak dilaksanakan dalam jangka masa yang tersebut di atas.

## 22.0 LAPORKAN SEKIRANYA SEBARANG KOD KESELAMATAN DICEROBOH

22.1 Tanpa prejudis terhadap mana-mana Terma & Syarat lain, sekiranya pengawalan, penyimpanan, penjagaan dan/atau keselamatan mana-mana Kod Keselamatan (atau sebahagian daripadanya) telah atau disyaki telah terjejas, hilang, disalahletakkan, dicuri, didedahkan, atau diperhatikan atau disyaki terdapat sebarang perkara yang tidak kena berkenaan dengannya, Pelanggan mestilah dengan segera (i) melaporkannya kepada Operasi e-Perbankan melalui telefon dan; (ii) menghantar notis bertulis melalui serahan tangan yang menyatakan laporannya kepada Operasi e-Perbankan secepat mungkin tetapi tidak melebihi 24 jam selepas laporan melalui telefon tersebut dibuat. Pelanggan perlu memberikan bantuan dan kerjasama sepenuhnya kepada Bank dalam penyiasatannya.

#### 22.2 Kod Keselamatan Lain Tidak Terjejas

Semua Kod Keselamatan lain yang tidak terkesan oleh yang tersebut di atas masih boleh digunakan untuk mengeluarkan arahan dan/atau melaksanakan Transaksi.

#### 22.3 Tiada Liabiliti Selepas Membuat Laporan

Selepas penerimaan Laporan tersebut (walaupun tidak diberikan oleh Pelanggan), Bank tanpa menanggung sebarang bentuk liabiliti, obligasi atau tanggungjawab kepada Pelanggan, berhak untuk dengan segera (a) membatalkan mana-mana atau kesemua Kod Keselamatan yang diberikan kepada Pelanggan, (b) tidak membenarkan sebarang akses atau membenarkan sebahagian sahaja akses kepada Sistem Bank, dan/atau (c) tidak melaksanakan, menolak, menghentikan dan/atau membalikkan sebarang Arahan atau Transaksi semasa atau selanjutnya.

## 23.0 CAJ DAN FI

Bank (a) selepas menerima atau memproses Arahan dan/atau melaksanakan Transaksi, atau (b) apabila luput tarikh atau jangka masa yang dikenakan oleh Bank, dan/atau (c) pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa yang dianggap wajar pada pandangan Bank, berhak mengenakan caj kepada Pelanggan bagi yang berikut:

### 23.1 Caj

#### 23.1.1 Caj & kadar di kaunter

Sebarang dan segala kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan, caj, komisen, pengeluaran bayaran, fi, denda, faedah, penalti, cukai dan/atau sebarang wang lain, yang akan dikira dan dikenakan sekiranya Arahan atau Transaksi tersebut dilaksanakan di kaunter Bank.

### 23.1.2 Caj Alliance BizSmart®

Bagi penggunaan Alliance BizSmart® atau mana-mana bahagiannya, termasuklah setiap Arahan dan/atau Transaksi berkenaan dengan transaksi perbankan sebagaimana dalam Fasal 21 (Caj Alliance BizSmart®).

### 23.1.3 Caj yang dikenakan oleh pihak lain

Sebarang dan segala kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan, caj, komisen, pengeluaran bayaran, fi, denda, faedah, penalti, cukai dan/atau sebarang wang lain yang dikenakan caj, dituntut, dikuatkuasakan, dikenakan dan/atau timbul daripada dan/atau merupakan akibat sampingan bagi Arahan dan/atau Transaksi tersebut, termasuk yang dikenakan caj, dituntut, dikuatkuasakan dan/atau dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan atau asing, Koresponden dan/atau mana-mana pihak lain.

Kesemua caj yang tersebut di atas, sebaik sahaja terakru atau dikenakan, akan menjadi hutang yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank dengan segera.

Melainkan sekiranya Pelanggan telah membuat pembayaran penuh terlebih dahulu bagi semua yang tersebut di atas, Bank berhak mendebit Pelanggan menurut cara yang dijelaskan dalam Fasal 24 di bawah.

23.1.4 Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (sekiranya ada) yang mungkin dikenakan menurut undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana yang berkenaan, Bank berhak menuntut cukai tersebut daripada Pelanggan.

## 23.2 Faedah

Faedah pada kadar yang terpakai bagi Akaun yang Ditetapkan atau sekiranya tiada Akaun yang Ditetapkan, faedah pada kadar yang terpakai bagi mana-mana Akaun lain yang dipilih oleh Bank, akan dikenakan kepada segala jumlah dan hutang yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan kepada Bank menurut Terma dan Syarat, dan faedah terakru tersebut akan menjadi hutang Pelanggan kepada Bank.

## 24.0 DEBIT AKAUN BANK YANG DITETAPKAN DAN/ATAU AKAUN-AKAUN TERSEBUT

### 24.1 Lien Bank

Selagi terdapat sebarang hutang, faedah atau wang yang masih perlu dijelaskan kepada Bank menurut Terma dan Syarat tersebut, Bank mempunyai lien terhadap segala wang dan deposit dalam mana-mana Akaun yang pada masa ini dan selepas ini dalam kredit Pelanggan dengan Bank.

### 24.2 Hak untuk Mendebit

Bank berhak tanpa perlu membuat tuntutan terlebih dahulu untuk mendebit Akaun yang Ditetapkan dan/atau mana-mana satu atau lebih Akaun sebagai bayaran bagi yang berikut:

24.2.1 Sebarang dan segala caj dan faedah yang perlu dijelaskan menurut Fasal 23.1 dan 23.2 di atas; dan

24.2.2 Sebarang dan segala hutang, faedah dan wang lain yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan kepada Bank menurut Terma dan Syarat tersebut, termasuk yang perlu dijelaskan menurut Fasal 27 di bawah.

### 24.3 Hutang

Semua jumlah yang masih belum dibayar menerusi debit tersebut akan kekal sebagai hutang yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan kepada Bank.

## **25.0 HAK BANK UNTUK MENAMBAH, MENUKAR, MENGUBAH DAN/ATAU MENARIK BALIK**

### **25.1 Hak Bank untuk Menambah, Mengubah dan/atau Menarik Balik**

Bank berhak, dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis kepada Pelanggan, untuk menambah, menukar, menggantung, mengubah dan/atau menarik balik mana-mana satu atau lebih yang berikut:

#### **25.1.1 Mana-mana Alliance BizSmart®**

Mana-mana satu atau lebih Alliance BizSmart® termasuklah batasan, prosedur, kategori, nombor, jenis dan/atau skop Alliance BizSmart® yang disediakan, seperti cara, kaedah, prosedur, ciri atau keperluan keselamatan, mod, masa pemrosesan, sistem pentadbiran, pengurusan dan/atau pengendalian dalam apa juga bentuk, yang berkenaan dengannya.

#### **25.1.2 Mana-mana Terma & Syarat**

Mana-mana satu atau lebih Terma dan Syarat, termasuklah (a) kadar faedah dan/atau (b) terma dan syarat mana-mana perjanjian yang sebelum ini atau kemudannya dilaksanakan oleh Pelanggan berkenaan dengan dan/atau bagi mana-mana Alliance BizSmart®.

#### **25.1.3 Panduan Pengguna & Kandungan Paparan Visual**

Mana-mana satu atau lebih kandungan dalam Panduan Pengguna dan/atau yang terdapat pada Paparan Visual, termasuklah Peraturan dan Pengawalan.

#### **25.1.4 Caj Alliance BizSmart®**

Mana-mana satu atau lebih caj Alliance BizSmart®.

Bagi penambahan, perubahan, penggantungan dan/atau pengubahan yang dilaksanakan atau bertujuan untuk dilaksanakan oleh Bank (a) hanya berkenaan dengan bentuk dan bukannya intipati, atau (b) sebaliknya tidak meningkatkan liabiliti Pelanggan, atau (c) disebabkan oleh keadaan darurat menurut pandangan Bank atau (d) adalah untuk melaksanakan sebarang garis panduan, undang-undang atau peraturan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai kuasa dalam bidang tersebut, maka Bank berhak untuk tidak memberikan sebarang notis atau memberikan notis yang berkuat kuasa dengan serta-merta.

### **25.2 Notis 30 hari**

Sekiranya notis 30 hari diberi kepada Pelanggan sebelum sebarang (a) kenaikan caj Alliance BizSmart®, atau (b) peningkatan liabiliti Pelanggan.

### **25.3 Notis perubahan**

Bank berhak memberikan notis kepada Pelanggan menerusi mana-mana satu atau lebih cara yang berikut:

#### **25.3.1 Notis biasa**

Menerusi notis yang dikeluarkan menurut Fasal 32.1.1 di bawah.

#### **25.3.2 Peletakan notis**

Dengan meletakkan notis di premis Bank dan/atau cawangannya, atau melalui e-mel yang selamat di peti mel Pelanggan bagi Alliance BizSmart®



### 25.3.3 Menerusi Panduan Pengguna

Dengan menerbitkan Panduan Pengguna baharu yang mengandungi notis tersebut, di mana Panduan Pengguna tersebut mungkin (a) disampaikan kepada Pelanggan menurut Fasal 32.1.1 di bawah, dan/atau (b) Bank boleh meletakkan notis di premis Bank dan/atau cawangannya, untuk memaklumkan kepada Pelanggan bahawa Panduan Pengguna baharu sedia untuk diambil oleh Pelanggan.

### 25.3.4 Menerusi Paparan Visual

Dengan memaparkan notis pada Paparan Visual.

### 25.3.5 Sebarang kaedah lain

Atau menerusi sebarang kaedah lain yang dianggap wajar oleh Bank

Sekiranya telah ditetapkan jangka masa notis, jangka masa tersebut akan bermula dan tamat, dari atau pada tarikh (bergantung kepada keadaan) yang dinyatakan dalam notis tersebut. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan tarikh pada notis yang digunakan oleh Bank, tarikh yang lebih awal akan diterima pakai dan mengikat Pelanggan tanpa boleh dipertikaikan.

## 26.0 HAK CIPTA & KESELAMATAN BANK

### 26.1 Tiada penyerahan hak cipta kepada Pelanggan

Segala hak cipta, hak harta intelek, pemilikan dan hak milik bagi mana-mana Kod Keselamatan yang dikeluarkan oleh Bank, dan Sistem Bank, iaitu semua sistem komputer (perkakasan dan perisian) yang disediakan oleh Bank berkenaan dengan Alliance BizSmart®, termasuklah (a) laman web Bank dan segala kandungannya, termasuklah segala reka bentuk, grafik, imej, perkataan dan semua elemen paparan dalam apa juga bentuk yang terdapat pada Paparan Visual, (b) Panduan Pengguna Bank dan semua kandungannya, dan/atau (c) sebarang dan segala dokumen, manual, sistem pentadbiran, komunikasi, pengurusan dan pengendalian (sama ada berkomputer, secara manual atau sebaliknya) lain dalam apa juga bentuk yang saling berkait dan/atau berkaitan serta berkaitan dengan Alliance BizSmart®, walaupun tidak dinyatakan secara khusus di sini, merupakan milik Bank atau pembekalnya, yang mana haknya adalah dilindungi oleh undang-undang hak cipta, undang-undang harta intelek dan perjanjian antarabangsa.

Lesen tidak memberikan sebarang hak cipta, hak intelek atau hak pemilikan atau sebarang jenis manfaat, lesen atau hak lain kepada Pelanggan.

### 26.2 Tindakan dan perbuatan yang dilarang

Pelanggan tidak boleh menyebabkan atau menggunakan, atau memberi kebenaran yang menyebabkan penggunaan sebarang Kod Keselamatan atau akses kepada Sistem Bank bagi sebarang tujuan lain kecuali untuk mengeluarkan Arahan berkenaan Alliance BizSmart® menurut ketetapan Terma dan Syarat.

Tanpa prejudis terhadap keluasan skop yang tersebut di atas, Pelanggan dilarang daripada membuat, menyebabkan atau membenarkan mana-mana yang berikut:

#### 26.2.1 Akses tanpa kebenaran

Sebarang akses kepada Sistem Bank yang dibuat tanpa kebenaran, atau penggunaan Sistem Bank untuk sebarang tujuan yang tidak sah, atau bagi sebarang tujuan yang menyalahi Undang-undang, sama ada tempatan atau asing.

#### 26.2.2 Memperkenalkan sebarang perisian

Sebarang pengenalan mana-mana program, virus komputer atau sebarang bentuk program atau perisian lain kepada Sistem Bank.

### 26.2.3 Membuat salinan

Membuat salinan, memuat turun, membuat penduaan, pengedaran, penerbitan dan/atau pengeluaran semula Sistem Bank atau mana-mana bahagiannya menerusi apa juga cara.

### 26.2.4 Membuat perubahan

Sebarang perubahan, kompilasi silang, nyahkompilasi, penceraihan, penyahkodan, penafsiran kod, pemeriksaan, kejuruteraan balikan, dan/atau sebarang bentuk pemeriksaan, gangguan, pengubahsuaian dan/atau pengacauan lain terhadap Sistem Bank atau mana-mana bahagiannya.

26.3 Pelanggan mengakui akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab pada setiap masa terhadap kerahsiaan, penjagaan, keselamatan dan/atau penggunaan mana-mana Kod Keselamatan termasuklah semua PIN, ID Pengguna, Kata Laluan dan/atau Tindakan Keselamatan.

## 27.0 INDEMNITI

Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank sepenuhnya daripada tuntutan terhadap sebarang dan segala kos, perbelanjaan, kerugian dan/atau ganti rugi (termasuklah fi guaman atas dasar peguam cara/klien) yang ditanggung oleh Bank, termasuklah yang timbul daripada dan/atau merupakan akibat sampingan daripada sebarang tindakan, tuntutan, kelewatan, permintaan, denda, penalti, prosiding (termasuklah penguatkuasaan Perjanjian Alliance BizSmart® ini dan/atau pencairan dan/atau pengekalan sebarang jaminan), penyelesaian, cukai dan/atau sebarang perkara lain yang memudaratkan dalam apa juga bentuk, yang terakru atau disebabkan oleh tindakan, perbuatan, peninggalan, kecuaiian, pelanggaran dan/atau keingkaran Pelanggan terhadap sebarang Terma & Syarat, termasuklah sebarang tindakan, perbuatan dan/atau perkara yang dibuat dengan mana-mana Kod Keselamatan oleh mana-mana pihak (dengan atau tanpa kebenaran, persetujuan atau pengetahuan Pelanggan).

Bank berhak menuntut bayaran daripada Pelanggan di bawah indemniti ini dengan jangkaan dan/atau sebelum Bank perlu membuat sebarang pembayaran kepada mana-mana pihak berkenaan dengan mana-mana yang tersebut di atas.

Sebarang dan segala jumlah yang perlu dijelaskan kepada Bank menurut indemniti ini akan serta-merta menjadi hutang Pelanggan kepada Bank.

## 28.0 PENAMATAN MENERUSI NOTIS

Perjanjian Alliance BizSmart® boleh ditamatkan seperti berikut:

### 28.1 Penamatan Pelanggan

Pelanggan berhak menamatkan Perjanjian Alliance BizSmart® dengan memberikan notis 30 hari secara bertulis kepada Bank ke alamat yang terkandung di sini dalam Fasal 32.1.2.

### 28.2 Penamatan Bank

Bank berhak menamatkan Perjanjian Alliance BizSmart® dengan memberikan notis 30 hari secara bertulis kepada Pelanggan atau kepada salah seorang rakan kongsi bagi akaun perkongsian.

## 29.0 PENAMATAN SEKIRANYA TERJADI KEINGKARAN ATAU KEMUNGKIRAN SILANG

Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran atau keingkaran oleh Pelanggan terhadap mana-mana Terma dan Syarat, atau (b) sebarang terma atau syarat dalam mana-mana Perjanjian lain, Bank berhak, tanpa menanggung sebarang bentuk liabiliti, obligasi atau tanggungjawab kepada Pelanggan, (1) untuk menamatkan Perjanjian Alliance BizSmart® atau (2) untuk menghentikan atau membatalkan sebarang atau keseluruhan perkhidmatan Alliance BizSmart® kepada Pelanggan tersebut.

Walaupun terdapat sebarang perkara yang terkandung di sini yang menyatakan sebaliknya, Bank boleh pada bila-bila masa, menggantung atau menamatkan hak Pelanggan untuk mengakses mana-mana perkhidmatan Alliance BizSmart® tanpa sebarang notis atas apa juga sebab dan tanpa sebarang obligasi untuk memberikan apa juga sebab.

## **30.0 PENGUATKUASAAN PENAMATAN**

Selepas penamatan, Bank berhak untuk melaksanakan yang berikut:

30.1 Mendapatkan semula segala jumlah yang belum dijelaskan

Untuk mendapatkan semula sebarang dan segala hutang, faedah dan/atau wang yang perlu dijelaskan kepada Bank.

30.2 Menghentikan perkhidmatan Alliance BizSmart® atau sebahagian daripadanya

Merujuk kepada Alliance BizSmart® yang telah dihentikan atau dibatalkan:

30.2.1 Membatalkan sebarang atau semua Kod Keselamatan yang diberikan kepada Pelanggan.

30.2.2 Tidak melaksanakan, menolak, menghentikan dan/atau membalikkan mana-mana atau semua Arahan atau Transaksi semasa atau yang selanjutnya berkenaan dengan Alliance BizSmart® yang telah dihentikan atau dibatalkan.

Dan kemudiannya membenarkan hanya sebahagian akses kepada Sistem Bank berkenaan dengan Alliance BizSmart® yang tidak dihentikan atau dibatalkan (sekiranya ada).

30.3 Liabiliti Pelanggan yang berterusan

Walaupun berlaku penamatan, Pelanggan akan terus bertanggungjawab kepada Bank menurut Fasal 23 dan 27 di atas, bagi segala Arahan dan/atau Transaksi yang dilaksanakan dengan mana-mana Kod Keselamatan sebelum dan selepas pembatalan Kod Keselamatan tersebut, yang tidak dilaksanakan, ditolak, dihentikan dan/atau dibalikkan.

## **31.0 PERSETUJUAN BAGI PENDEDAHAN DAN PEMBERIAN MAKLUMAT**

31.1 Pelanggan dengan jelas dan sepenuhnya memberi persetujuan bagi pengumpulan, perakaman, pemegangan, penyimpanan dan/atau sebaliknya pemprosesan sebarang maklumat yang berkenaan dengan Pelanggan oleh Bank dan/atau mana-mana personel atau subkontraktor yang dibenarkan oleh Bank bagi tujuan Alliance BizSmart®.

31.2 Tanpa prejudis terhadap Fasal 32.6 di bawah, Pelanggan memberikan persetujuan yang jelas kepada Bank dan/atau personel atau subkontraktor Bank bagi tujuan Alliance BizSmart® untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan Pelanggan, sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia:

31.2.1 kepada mana-mana Sekutu Bank atau penyedia perkhidmatan yang mempunyai tujuan perniagaan yang sah untuk mendapatkan maklumat tersebut, termasuklah menawarkan produk dan perkhidmatan yang berkait dengan atau untuk memudahkan penggunaan Alliance BizSmart® kepada Pelanggan;

31.2.2 kepada mana-mana penyedia perkhidmatan, Sekutu Bank atau mana-mana pihak ketiga lain yang dianggap perlu oleh Bank untuk pelaksanaan mana-mana Arahan atau Transaksi atau sebagai mematuhi sebarang perintah atau permintaan mana-mana mahkamah atau kerajaan atau pihak berkuasa peraturan dalam mana-mana bidang kuasa;

31.2.3 kepada mana-mana individu yang menggunakan Alliance BizSmart® yang berupa Pelanggan atau individu yang dibenarkan oleh Pelanggan di mana pendedahan tersebut adalah dianggap wajar oleh Bank sebagai perlu untuk menyempurnakan sebarang Transaksi atau untuk melaksanakan Arahan; dan

31.2.4 kepada mana-mana rakan kongsi dalam sesuatu perkongsian bagi Akaun Pelanggan;

31.2.5 kepada polis atau pihak berkuasa lain bagi tujuan membuat laporan atau membantu sebarang penyiasatan.

## 32.0 LAIN-LAIN TERMA & SYARAT

### 32.1 Notis

#### 32.1.1 Daripada Bank kepada Pelanggan

Segala kelulusan, pengesahan, surat-menyurat dan/atau notis daripada Bank kepada Pelanggan mestilah secara bertulis dan dalam bahasa Inggeris dan perlu disampaikan sama ada melalui (a) e-mel yang dihantar kepada alamat e-mel terakhir Pelanggan yang dimaklumkan kepada Bank secara bertulis, di mana ia dianggap sebagai telah disampaikan selepas Bank menghantar e-mel tersebut, atau melalui (b) e-mel yang selamat kepada peti mel Alliance BizSmart® Pelanggan di mana ia dianggap sebagai telah disampaikan selepas Bank menghantar e-mel tersebut; (c) pos biasa atau berdaftar, yang dihantar kepada alamat terakhir Pelanggan yang dimaklumkan kepada Bank secara bertulis, di mana ia dianggap sebagai telah disampaikan selepas 5 Hari Perniagaan dari tarikh pengeposan, tanpa mengira penyampaian sebenar, atau melalui (d) perkhidmatan kurier, yang dihantar kepada alamat terakhir Pelanggan yang dimaklumkan kepada Bank secara bertulis, di mana ia dianggap sebagai telah disampaikan selepas 2 Hari Perniagaan dari tarikh pengeposan, tanpa mengira penyampaian yang sebenar atau (d) dengan menyiarkan mesej di [www.alliancebank.com.my](http://www.alliancebank.com.my), atau (e) dimaklumkan kepada Pelanggan menerusi saluran komunikasi Bank.

#### 32.1.2 Daripada Pelanggan kepada Bank

Kecuali diperuntukkan sebaliknya, segala permohonan, surat-menyurat dan/atau notis daripada Pelanggan kepada Bank mestilah secara bertulis dan dalam bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia dan hendaklah disampaikan melalui (a) pos berdaftar, atau melalui (b) perkhidmatan kurier.

Semua notis di atas mesti dihantar kepada Bank ke alamat berikut:

Operasi ePerbankan  
Alliance Bank Malaysia Berhad  
Tingkat 15,  
Menara Multi-Purpose Capital Square  
8 Jalan Munshi Abdullah  
50100 Kuala Lumpur

Bank berhak untuk menganggap sebarang notis yang dikirim oleh Pelanggan menerusi cara yang selain daripada pos berdaftar atau kurier, dan diterima oleh Bank sebagai notis yang wajar.

#### 32.1.3 Maklumkan kepada Bank mengenai perubahan alamat

Pelanggan mesti memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang dan segala perubahan maklumat perniagaan dan/atau surat-menyurat Pelanggan dengan syarat sebarang tuntutan atau notis yang dikeluarkan atau diterima oleh seorang rakan kongsi dalam sesuatu perkongsian akan dianggap sebagai mengikat, tidak boleh dipertikaikan dan berkuat kuasa ke atas semua rakan kongsi secara bersama dan berasingan.

Bank membenarkan Pelanggan membuat penukaran alamat secara dalam talian sebagai sebahagian daripada Alliance BizSmart® dan sebarang perubahan yang berjaya dilaksanakan secara dalam talian adalah mengikat ke atas Pelanggan dan tidak boleh dipertikaikan.

### 32.2 Masa

32.2.1 Masa, di mana ia dinyatakan, merupakan teras bagi perkara yang berkenaan.

32.2.2 Arahan yang diterima pada hari yang bukan Hari Perniagaan atau selepas takat masa yang ditetapkan akan dilayan sebagai diterima pada Hari Perniagaan yang berikutnya.

### 32.3 Bukti yang Tidak Boleh Dipertikai

Segala penyata akaun, rekod Arahan dan/atau Transaksi yang disahkan dan dikeluarkan oleh mana-mana pegawai Bank dalam bentuk dokumen akan dianggap sebagai mengikat dan muktamad ke atas Pelanggan sebagai bukti yang tidak boleh dipertikaikan berkenaan status Arahan dan/atau Transaksi, dan/atau jumlah yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan kepada Bank.

### 32.4 Toleransi dan Kompromi

Kelewatan, kegagalan atau toleransi dalam pelaksanaan sebarang remedi atau hak oleh Bank tidak akan diertikan, dianggap atau ditafsirkan sebagai penepian oleh pihak Bank. Liabiliti Pelanggan tidak akan berkurang atau dikecualikan menerusi sebarang kompromi, toleransi, penyelesaian atau sebarang perkara yang dituruti dalam apa juga bentuk antara Bank dan mana-mana pihak, termasuklah mana-mana pihak yang menyediakan jaminan dalam apa juga bentuk kepada Bank berhubung dengan Pelanggan.

### 32.5 Prosiding Undang-undang

Bank berhak memulakan sebarang dan segala prosiding undang-undang yang boleh digunakan oleh Bank (a) secara serentak, atau (b) secara berturutan, atau (c) mengikut sebarang aturan atau turutan, sebagaimana yang dianggap wajar menurut pandangan Bank.

### 32.6 Pendedahan

Pelanggan dengan ini memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk memberikan dari semasa ke semasa segala maklumat yang berkenaan yang timbul daripada dan/atau berkaitan dengan Pelanggan atau Alliance BizSmart® kepada (a) Biro Kredit Bank Negara Malaysia, dan/atau (b) pihak-pihak lain seumpamanya yang mempunyai kuasa dalam bidang tersebut, dan/atau (c) mana-mana satu atau lebih syarikat dalam Alliance Bank Berhad, Alliance Investment Bank Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad, (d) mana-mana ejen Bank yang sah dan/atau (e) institusi kewangan lain untuk melaksanakan Arahan tersebut dengan syarat Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan bagi pengemukaan maklumat tersebut.

### 32.7 Pembentukan semula Bank

Liabiliti, obligasi dan tanggungjawab Pelanggan tidak akan terjejas atau berkurangan dengan sebarang penggabungan, perubahan atau pembentukan semula perlembagaan Bank. Bank berhak menyerahkan hak dan obligasi tersebut di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana subsidiari atau sekutu Bank.

### 32.8 Kebolehasingan

Sebarang terma, syarat, perjanjian, peruntukan atau aku janji atau mana-mana bahagiannya dalam Perjanjian Alliance BizSmart® yang menyalahi undang-undang, tidak boleh dikuatkuasakan atau tidak sah tidak akan menjadikan bahagian lain dalam Perjanjian Alliance BizSmart® tidak sah atau menjadikannya tidak boleh dikuatkuasakan, terbatal atau boleh dibatalkan. Bahagian Perjanjian Alliance BizSmart® yang menyalahi undang-undang, tidak boleh dikuatkuasakan atau terbatal akan diasingkan daripada bahagian Perjanjian Alliance BizSmart® yang lain.

### 32.9 Penyelesaian Pertikaian

Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang aduan berhubung dengan Perjanjian Alliance BizSmart® ini, Pelanggan dikehendaki mengemukakan aduan tersebut kepada Operasi ePerbankan berserta semua maklumat yang berkaitan dengan aduan tersebut.

Apabila menerima aduan tersebut, Operasi ePerbankan akan melaksanakan yang berikut:

- Meminta Pelanggan memberikan sebarang maklumat lain yang berkaitan berhubung dengan aduan tersebut.
- Apabila menerima segala maklumat, Pelanggan akan diberi sebab-sebab bagi tindakan, kedudukan atau pegangan Bank dengan seberapa segera.

- Sekiranya Bank tidak dapat bertindak dengan segera, Bank akan memaklumkan Pelanggan mengenainya dan selepas itu Bank mempunyai tempoh 14 Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan aduan tersebut oleh Bank (dengan hak untuk melanjutkan tempoh tersebut dengan tambahan 16 Hari Perniagaan yang berikutnya sekiranya perlu) untuk memberikan sebab bagi tindakan, kedudukan atau pegangan Bank.

- Berkenaan dengan sebarang aduan yang dikemukakan berhubung dengan Arahan bagi Transaksi yang dibuat melalui laman web pihak ketiga, Bank tidak dapat memberi maklum balas kepada Pelanggan dengan segera tetapi akan berusaha untuk memberikan maklum balas tidak lebih daripada 7 Hari Perniagaan dari tarikh Bank menerima maklum balas atau ketetapan pihak ketiga tersebut.

### 32.10 Undang-undang yang Mentadbir

32.10.1 Terma dan Syarat mestilah diertikan menurut undang-undang Malaysia yang merupakan undang-undang yang mentadbir.

32.10.2 Bank dan Pelanggan dengan ini mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia tetapi Terma dan Syarat mungkin dikuatkuasakan di Mahkamah dalam mana-mana bidang kuasa kompeten.

### 32.11 Pengganti Adalah Terikat

Perjanjian Alliance BizSmart® akan mengikat pemegang serah hak, waris, wakil peribadi dan/atau pengganti Pelanggan dan Bank.

### 32.12 Penggunaan Antarabangsa

Penggunaan Alliance BizSmart® di luar Malaysia adalah tertakluk kepada peraturan dan keperluan Kawalan Pertukaran Wang yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana keperluan fiskal atau kawalan pertukaran wang yang beroperasi di negara di mana transaksi dilaksanakan atau dipohon, serta undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara di mana transaksi dilaksanakan dan dipohon.

Amaun transaksi maksimum dan tujuan ia dilaksanakan mungkin ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang dan peraturan negara di mana transaksi dilaksanakan atau dipohon.

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Alliance BizSmart® akan digunakan atas inisiatifnya sendiri dan akan bertanggungjawab atas pematuhan segala undang-undang tempatan.